# LAPORAN
## KETUA AUDIT NEGARA




PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

# TERENGGANU

## Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

ISSN 2811-4256

9 7 7 2 8 1 1 4 2 5 0 0 6

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:
Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: https://www.audit.gov.my
Emel: jbaudit@audit.gov.my
Tel: 603-8091 1000
Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.

---

PNMB

Dicetak Oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2021

Laman web: www.printnasional.com.my
Emel: cservice@printnasional.com.my
Tel: 603-9236 6895
Faks: 603-9222 4773

# LAPORAN
## KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

## TERENGGANU

## Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

# KANDUNGAN

# KANDUNGAN


**PENDAHULUAN** vii

**BAHAGIAN I**
**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Ringkasan Eksekutif 3
Pendahuluan 5
Objektif dan Metodologi Pengauditan 6
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 7

**BAHAGIAN II**
**ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Ringkasan Eksekutif 11
Latar Belakang 13
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri 13
Penyata Prestasi Kewangan 13
Kumpulan Wang Disatukan 15
Wang Awam 16
Akaun Hasil Disatukan 18
Akaun Pinjaman Disatukan 29
Akaun Amanah Disatukan 30
Penyata Akaun Memorandum 47
Nota Kepada Penyata Kewangan 51
Rumusan Audit 53
Syor Audit 54

**BAHAGIAN III**
**PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

Ringkasan Eksekutif 57
Pendahuluan 59
Pengauditan Penyata Kewangan 59
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan 60
Pemakaian Piawaian Perakaunan 61
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan 62
Pembentangan Penyata Kewangan 67
Analisis Prestasi Kewangan 68
Rumusan Audit 68
Syor Audit 68

**BAHAGIAN IV**
**PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI**


| | |
|---|---|
| Ringkasan Eksekutif | 73 |
| Pengenalan | 75 |
| Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri<br>1. Pengurusan Pembayaran | 79 |
| Jabatan Pertanian Negeri Terengganu<br>2. Pengurusan Aset Alih | 87 |
| Pejabat Perikanan Negeri Terengganu<br>3. Pengurusan Terimaan dan Deposit | 95 |
| Majlis Daerah Besut<br>4. Perolehan Secara Pembelian Terus dan Sebut Harga | 103 |


**BAHAGIAN V**
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**


| | |
|---|---|
| Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri | 111 |
| Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri | 111 |
| **PENUTUP** | 115 |


**LAMPIRAN**


| | | | |
|---|---|---|---|
| Lampiran I | - | Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri | 119 |
| Lampiran II | - | Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri | 123 |
| Lampiran III | - | Penyata Kedudukan Kewangan | 124 |
| Lampiran IV | - | Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai | 125 |
| Lampiran V | - | Penyata Prestasi Kewangan | 127 |
| Lampiran VI | - | Penyata Akaun Memorandum | 128 |
| Lampiran VII | - | Nota Kepada Penyata Kewangan | 129 |

| | |
|---|---|
| **AKRONIM** | 145 |

# PENDAHULUAN

# PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Terengganu, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Terengganu.

2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2020 serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:

i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri;
iv. Pengauditan Pematuhan; dan
v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.

3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2020. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2020, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.

4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan. Pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini di sebalik kekangan yang timbul akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020 sehingga 2021.

**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**
**Ketua Audit Negara**
**Malaysia**

**Putrajaya**

**22 November 2021**

# BAHAGIAN I

## PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

## BAHAGIAN I
## PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### Perkara Utama

**Apa yang diaudit?**

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai.

- Penyata ini melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu tahun 2020 yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara menyeluruh pada akhir tahun 2020, di samping membantu Kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

**Apa yang ditemui Audit?**

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

- **Hal-hal Lain**

  - Bagaimanapun, dua perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-hal Lain di Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:

- Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan secara berkala, disemak dan mengambil tindakan terhadap *unreconcile item* dengan segera. Pelarasan perlu dibuat dengan sewajarnya supaya baki Wang Tunai yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat; dan

- menambah baik kawalan dalaman pengurusan pembayaran yang menjadi punca utama peningkatan bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) setiap tahun. Bil tuntutan hendaklah dikemukakan dengan segera selepas sesuatu perolehan dibuat dan dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103(a).

# BAHAGIAN I

## PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### FAKTA UTAMA

| | | |
|---|---|---|
| **1 Januari 2020 – 31 Disember 2020**<br>Tahun kewangan Kerajaan Negeri | **31 Julai 2021**<br>Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit | **2 Februari 2021**<br>Tarikh penyerahan penyata kewangan untuk diaudit |
| **Komponen Penyata Kewangan** | • Penyata Kedudukan Kewangan<br>• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai<br>• Penyata Prestasi Kewangan<br>• Penyata Akaun Memorandum<br>• Nota Kepada Penyata Kewangan | |
| **Jenis Pendapat Audit** | Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain | |

## 1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957, menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 kepada Ketua Audit Negara pada **2 Februari 2021**. Penyata ini melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2020 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi maksud Akaun Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang digunakan oleh Kerajaan negeri, hanya

pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2020. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti terimaan amanah. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain seperti bayaran amanah.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan negeri. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala tanggungan Kerajaan negeri pula adalah Hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Hutang Kerajaan negeri adalah bagi maksud Rancangan Bekalan Air dan Perumahan Awam Kos Rendah.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

## 2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2020. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu dan jabatan negeri melalui surat Pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Selain itu, Mesyuarat Penutup yang dipengerusikan oleh YBM Pegawai Kerajaan Negeri dan dihadiri oleh ketua jabatan dan agensi Kerajaan negeri telah diadakan pada 5 Ogos 2021.

## 3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan piawaian pengauditan yang diluluskan serta The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2020 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.**

3.3. Bagaimanapun, dua perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-hal Lain di Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:

3.3.1. Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan secara berkala, disemak dan mengambil tindakan terhadap *unreconcile item* dengan segera. Pelarasan perlu dibuat dengan sewajarnya supaya baki Wang Tunai yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat; dan

3.3.2. menambah baik kawalan dalaman pengurusan pembayaran yang menjadi punca utama peningkatan bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) setiap tahun. Bil tuntutan hendaklah dikemukakan dengan segera selepas sesuatu perolehan dibuat dan dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103(a).

3.4. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2020 yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

# BAHAGIAN II

## ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

# BAHAGIAN II
## ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

### Perkara Utama

**Apa yang diaudit?**

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara menyeluruh pada akhir tahun 2020, di samping membantu Kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

**Apa yang ditemui Audit?**

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM466.20 juta, iaitu menurun sebanyak RM131.36 juta berbanding RM597.56 juta pada akhir tahun 2019.

- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan defisit semasa berjumlah RM54 juta. Kutipan hasil menurun sebanyak RM927.49 juta atau 36.2% menjadi RM1.633 bilion berbanding RM2.561 bilion pada tahun 2019.

- Perbelanjaan mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan) Kerajaan negeri pada tahun 2020 berjumlah RM1.187 bilion menurun sebanyak RM394.84 juta atau 25% berbanding RM1.582 bilion pada tahun 2019.

- Baki Akaun Hasil Disatukan bagi tahun kewangan 2020 mencatatkan lebihan sejumlah RM203.36 juta berbanding RM257.36 juta pada tahun 2019.

- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri pada tahun 2020 adalah baik, iaitu sejumlah

RM605.80 juta atau 86.6% telah dibelanjakan berbanding RM699.29 juta peruntukan yang diluluskan. Sebanyak 4,426 projek telah dirancang, yang mana 4,294 projek (97%) telah disiapkan sepenuhnya, 52 projek (1.2%) sedang dilaksanakan dan 80 projek (1.8%) belum dimulakan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM11.67 juta atau 6.2% daripada RM189.20 juta pada tahun 2019 kepada RM177.53 juta pada tahun 2020. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM5 juta atau 8% daripada RM62.35 juta pada tahun 2019 kepada RM57.35 juta pada tahun 2020.

- Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM30.01 juta atau 9.7% menjadi RM279.97 juta berbanding RM309.98 juta pada tahun 2019. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM3.39 juta atau 10.1% menjadi RM37.08 juta berbanding RM33.69 juta pada tahun 2019.

# BAHAGIAN II
## ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

### FAKTA UTAMA

| PRESTASI KEWANGAN | KUMPULAN WANG DISATUKAN | AKAUN MEMORANDUM |
|---|---|---|
| ↓ HASIL | ↓ AKAUN HASIL DISATUKAN | ↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT |
| 2020 - RM1.633 bilion | 2020 - RM203.36 juta | 2020 - RM177.53 juta |
| 2019 - RM2.561 bilion | 2019 - RM257.36 juta | 2019 - RM189.20 juta |
| ↓ BELANJA | AKAUN PINJAMAN DISATUKAN | ↑ PELABURAN |
| 2020 - RM1.793 bilion | 2020 - RM0 | 2020 - RM3.454 juta |
| 2019 - RM2.072 bilion | 2019 - RM0 | 2019 - RM3.453 juta |
| | ↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN | ↓ HUTANG AWAM |
| | 2020 - RM262.84 juta | 2020 - RM279.97 juta |
| | 2019 - RM340.20 juta | 2019 - RM309.98 juta |

### 1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan negeri Terengganu Tahun 2020, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit dijalankan terhadap Penyata Kedudukan Kewangan; Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai; Penyata Prestasi Kewangan; Penyata Akaun Memorandum; Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

### 2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

### 3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman

Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri mencatatkan kurangan keseluruhan berjumlah RM159.80 juta iaitu menurun sebanyak RM648.53 juta atau 132.7% berbanding lebihan keseluruhan RM488.73 juta pada tahun 2019. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penurunan hasil yang ketara sebanyak RM927.49 juta atau 36.2% dan perbelanjaan pada tahun 2020 melebihi jumlah hasil yang diperoleh Kerajaan negeri. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**KEDUDUKAN PENYATA PRESTASI**
**KEWANGAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BUTIRAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| **HASIL** | **1,633.47** | **2,560.96** | **(927.49)** | **(36.2)** |
| Hasil Cukai | 64.70 | 73.83 | (9.13) | (12.4) |
| Hasil Bukan Cukai | 137.33 | 173.67 | (36.34) | (20.9) |
| Terimaan Bukan Hasil | 1,431.44 | 2,313.46 | (882.02) | (38.1) |
| **(-) PERBELANJAAN** | **1,793.27** | **2,072.23** | **(278.96)** | **(13.5)** |
| • Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan) | 1,187.47 | 1,582.31 | (394.84) | (25.0) |
| • Belanja Pembangunan | 605.80 | 489.92 | 115.88 | 23.7 |
| **LEBIHAN/(KURANGAN) KESELURUHAN** | **(159.80)** | **488.73** | **(648.53)** | **(132.7)** |
| Pinjaman | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan | 130.99 | 16.92 | 114.07 | 674.2 |
| Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah | 28.81 | (505.65) | 534.46 | (105.7) |
| **JUMLAH PEMBIAYAAN** | **159.80** | **(488.73)** | **648.53** | **(132.7)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

3.3. Terimaan bukan hasil berjumlah RM1,431.44 juta adalah termasuk Royalti Petroleum (Pemberian Dana Khas) berjumlah RM1,028.29 juta. Pada tahun 2020, sejumlah RM31.87 juta atau 5% telah ditolak daripada terimaan hasil petroleum untuk bayaran balik Hutang Awam menjadikan jumlah bersih terimaan hasil petroleum adalah sejumlah RM996.42 juta.

3.4. **Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan negeri bagi tahun 2020 adalah stabil kerana dipengaruhi faktor peningkatan aliran tunai serta terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan**.

## 4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan pada akhir tahun 2020, Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM466.20 juta terdiri daripada aset berbentuk wang tunai berjumlah RM166.20 juta dan pelaburan berjumlah RM300 juta. Kumpulan Wang Disatukan menunjukkan penurunan sebanyak RM131.36 juta atau 22% berbanding RM597.56 juta pada tahun 2019. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN**
**PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BUTIRAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| **Akaun Hasil Disatukan** | **203.36** | **257.36** | **(54.00)** | **(21.0)** |
| **Akaun Pinjaman Disatukan** | **0.00** | **0.00** | **0.00** | **0.0** |
| **Akaun Amanah Disatukan:** | **262.84** | **340.20** | **(77.36)** | **(22.7)** |
| *i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:* | *(109.74)* | *(14.15)* | *(95.59)* | *(675.5)* |
| • *Kumpulan Wang Pembangunan* | *(516.38)* | *(431.57)* | *(84.81)* | *(19.7)* |
| • *Kumpulan Wang Bekalan Air* | *68.41* | *69.22* | *(0.81)* | *(1.2)* |
| • *Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan* | *338.23* | *348.20* | *(9.97)* | *(2.9)* |
| *ii. Kumpulan Wang Amanah Awam* | *202.07* | *143.25* | *58.82* | *41.1* |
| *iii. Akaun Wang Deposit* | *170.51* | *211.10* | *(40.59)* | *(19.2)* |
| **JUMLAH** | **466.20** | **597.56** | **(131.36)** | **(22.0)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

4.2. Penurunan Kumpulan Wang Disatukan adalah disebabkan oleh penurunan ketara Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM54 juta atau 21% dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM77.36 juta atau 22.7%. Kedudukan baki bagi tahun 2020 adalah yang kedua tertinggi dalam tempoh lima tahun seperti ditunjukkan di **Carta 1**.

**CARTA 1**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

## 5. WANG AWAM

### 5.1. Wang Tunai dan Pelaburan

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai aset Kerajaan negeri yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit bagi tempoh tiga bulan dan ke bawah di institusi kewangan yang diluluskan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan adalah Panjar Wang Runcit yang diluluskan kepada pemegang panjar. Kedudukan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**
**KEDUDUKAN WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | BUTIRAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| **WANG TUNAI** | | | | | |
| 1. | Wang Tunai Dalam Bank | 166.10 | 187.22 | (21.12) | (11.3) |
| 2. | Wang Tunai Dalam Perjalanan | 0.00* | 0.24 | (0.24) | 99.9 |
| 3. | Wang Tunai Dalam Tangan | 0.10 | 0.10 | 0.00 | 0.0 |
| **JUMLAH** | | **166.20** | **187.56** | **(21.36)** | **(11.4)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019
Nota : * RM120.00

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2020 dan 2019 menunjukkan penurunan sebanyak RM21.36 juta atau 11.4% menjadi RM166.20 juta berbanding RM187.56 juta pada tahun 2019. Pada tahun 2020, Wang Tunai Dalam Bank menurun sebanyak RM21.12 juta atau 11.3% menjadi RM166.10 juta berbanding RM187.22 juta pada tahun 2019. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan Royalti Petroleum (Pemberian Dana Khas) di mana Kerajaan negeri hanya menerima sebanyak RM996.42 juta selepas ditolak bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 berbanding RM1.277 bilion pada tahun 2019.

5.1.3. Wang Tunai Dalam Perjalanan sejumlah RM120 dinyatakan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2020. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Penyata Penyesuaian Bank bulan Disember 2020 mendapati sejumlah RM208,951 adalah terimaan pada akhir bulan Disember 2020 yang belum diambil kira dalam penyata bank pada 31 Disember 2020.

5.1.4. Semakan lanjut mendapati sejumlah RM371,045 merupakan terimaan tahun 2020 yang telah dikreditkan di dalam bank tetapi belum diambil kira dalam buku tunai pada 31 Disember 2020. Oleh itu, jumlah keseluruhan Wang Tunai Dalam Perjalanan yang terkurang nyata adalah RM579,996.

**Maklum Balas PPNT yang Diterima Pada 24 Mei 2021**

Pihak PPNT hanya merujuk kepada Laporan Penyata Akaun Amanah (Tambahan) (L401) dalam Sistem SPEKS. Sekiranya tiada dalam laporan tersebut, maka tidak akan direkodkan dalam Penyata Kewangan.

Pihak PPNT hanya menyedari kewujudan wang tunai dalam perjalanan selepas penyata penyesuaian dibuat. Bagaimanapun, tindakan pelarasan tidak dapat dibuat kerana tiada kemudahan dalam sistem tersebut.

5.1.5. Pelaburan Kerajaan negeri dilaporkan sebagai salah satu item di bawah Wang Awam di Penyata Kedudukan Kewangan. Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan yang diluluskan dan pelaburan lain yang dibenarkan sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan daripada dana kumpulan wang amanah/akaun amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am pula adalah semua pelaburan daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

5.1.6. Pada akhir tahun 2020, Kerajaan negeri hanya mempunyai Pelaburan Am dalam bentuk simpanan tetap berjumlah RM300 juta seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**
**KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | NAMA INSTITUSI KEWANGAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN (RM Juta) | PERUBAHAN (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Bank Islam Malaysia Berhad | 100.00 | 150.00 | (50.00) | (33.3) |
| 2. | Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad | 140.00 | 140.00 | 0.00 | 0.0 |
| 3. | Agro Bank Berhad | 20.00 | 50.00 | (30.00) | (60.0) |
| 4. | Bank Simpanan Nasional | 0.00 | 20.00 | (20.00) | (100.0) |
| 5. | RHB Bank Berhad | 30.00 | 20.00 | 10.00 | 50.0 |
| 6. | Bank Muamalat (M) Berhad | 10.00 | 20.00 | (10.00) | (50.0) |
| 7. | Malaysia Building Society Berhad | 0.00 | 10.00 | (10.00) | (100.0) |
| **JUMLAH** | | **300.00** | **410.00** | **(110.00)** | **(26.8)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

5.1.7. Pelaburan tahun 2020 menurun sebanyak RM110 juta atau 26.8% disebabkan pengurangan dalam Royalti Petroleum (Pemberian Dana Khas). Bagaimanapun, dividen yang diperoleh dalam tahun 2020 meningkat sebanyak RM5.19 juta atau 127.1% menjadi RM9.28 juta berbanding RM4.09 juta pada tahun 2019 kerana sejumlah RM4.58 juta merupakan dividen bagi pelaburan pada akhir tahun 2019 yang telah matang pada awal tahun 2020.

## 6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri mengakhiri tahun kewangan 2020 dengan defisit semasa berjumlah RM54 juta berbanding lebihan berjumlah RM259.97 juta pada tahun 2019, iaitu menurun sebanyak RM313.97 juta atau 120.8%. Penurunan ini disebabkan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri berjumlah RM1.687 bilion melebihi hasil yang berjumlah RM1.633 bilion. Dengan defisit semasa sebanyak RM54 juta dalam Akaun Hasil Disatukan yang dicatatkan pada akhir tahun 2020, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menjadi RM203.36 juta berbanding RM257.36 juta pada tahun 2019. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**
**KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BUTIRAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 257.36 | (2.61) | 259.97 | (9,969.7) |
| Hasil | 1,633.47 | 2,560.96 | (927.49) | (36.2) |
| Perbelanjaan Mengurus | 1,687.47* | 2,300.99* | (613.52) | (26.7) |
| Lebihan/Defisit Bagi Tahun | (54.00) | 259.97 | (313.97) | (120.8) |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **203.36** | **257.36** | **(54.00)** | **(21.0)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019
Nota (*) – Termasuk pindahan kepada belanja pembangunan sebanyak RM500 juta (2020) dan RM718.68 juta (2019)

6.3. Trend Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 6** dan **Carta 2**.

**JADUAL 6**
**AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2016 HINGGA 2020**

| BUTIRAN | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 166.85 | (95.48) | 77.63 | (2.61) | 257.36 |
| Hasil | 1,604.77 | 2,072.86 | 1,792.52 | 2,560.96 | 1,633.47 |
| Perbelanjaan Mengurus | 1,867.10 | 1,899.75 | 1,872.76 | 2,300.99 | 1,687.47 |
| Lebihan/Defisit | (262.33) | 173.11 | (80.24) | 259.97 | (54.00) |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **(95.48)** | **77.63** | **(2.61)** | **257.36** | **203.36** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

**CARTA 2**
**AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2016 HINGGA 2020**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

6.4. Analisis Audit terhadap pencapaian penerimaan hasil berbanding perbelanjaan mengurus bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 mendapati tahun 2016 mencatatkan defisit semasa Akaun Hasil Disatukan yang paling tinggi dalam tempoh lima tahun iaitu sejumlah RM262.33 juta. Pada tahun 2017, Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan semasa berjumlah RM173.11 juta tetapi kembali menurun pada tahun 2018 dengan mencatatkan defisit sebanyak RM80.24 juta. Tahun 2019 telah mencatatkan lebihan sejumlah RM259.97 juta, iaitu yang tertinggi dalam tempoh lima tahun. Bagaimanapun, kembali menurun **pada tahun 2020 dengan mencatatkan defisit sebanyak RM54 juta**.

## 6.5. Hasil

Hasil Kerajaan negeri dikategorikan kepada tiga jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya, kutipan hasil sebenar Kerajaan negeri pada tahun 2020 adalah lebih rendah berbanding anggaran yang diluluskan. Kutipan hasil sebenar bagi tahun 2020 juga telah menurun berbanding hasil sebenar pada tahun 2019.

### 6.5.1. Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran yang Diluluskan

Pada tahun 2020, kutipan hasil sebenar Kerajaan negeri adalah berjumlah RM1.633 bilion iaitu RM32.53 juta atau 2% lebih rendah berbanding anggaran yang berjumlah RM1.666 bilion. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2020 berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**
**KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA**
**TAHUN 2020 BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN**

| BUTIRAN HASIL | ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta) | HASIL SEBENAR (RM Juta) | VARIAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Hasil Cukai | 66.93 | 64.70 | (2.23) | (3.4) |
| Hasil Bukan Cukai | 170.37 | 137.33 | (33.04) | (24.1) |
| Terimaan Bukan Hasil | 1,428.70 | 1,431.44 | 2.74 | 0.2 |
| **JUMLAH** | **1,666.00** | **1,633.47** | **(32.53)** | **(2.0)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

### 6.5.2. Kutipan Hasil Pada Tahun 2020 Berbanding 2019

a. Pada tahun 2020, hasil sebenar Kerajaan negeri menurun sebanyak RM927.49 juta atau 36.2% menjadi RM1.633 bilion berbanding RM2.560 bilion pada tahun 2019. Kutipan hasil pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 3**.

**JADUAL 8**
**KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BUTIRAN HASIL | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Hasil Cukai | 64.70 | 73.83 | (9.13) | (12.4) |
| Hasil Bukan Cukai | 137.33 | 173.67 | (36.34) | (20.9) |
| Terimaan Bukan Hasil | 1,431.44 | 2,313.46 | (882.02) | (38.1) |
| **JUMLAH** | **1,633.47** | **2,560.96** | **(927.49)** | **36.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

**CARTA 3**
**KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

b. Analisis Audit menunjukkan penurunan hasil pada tahun 2020 sebanyak RM927.49 juta atau 36.2% adalah disebabkan oleh pengurangan dalam Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM1.431 bilion berbanding RM2.313 bilion pada tahun 2019. **Terimaan Bukan Hasil yang menyumbang kepada penurunan hasil pada tahun 2020 adalah Royalti Petroleum (Pemberian Dana Khas) dan Terimaan Daripada Agensi Kerajaan Yang Lain masing-masing menurun sejumlah RM674.55 juta dan RM218.03 juta berbanding tahun 2019**.

### 6.5.3. Peningkatan dan Penurunan Hasil yang Ketara

Peningkatan dan penurunan hasil yang ketara pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**
**PENINGKATAN DAN PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| **PENINGKATAN** | | | | | | |
| 1. | Tunggakan Dana Khas Kerajaan Persekutuan | 229.90 | 220.00 | 9.90 | | Tunggakan bayaran terakhir sebagaimana perjanjian adalah sebanyak RM229.90 juta berbanding tahun sebelumnya RM220.00 juta. |
| 2. | Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan | 16.04 | 11.67 | 4.37 | 37.4 | Tuntutan yang diterima pada tahun 2020 lebih tinggi berbanding tahun 2019. |
| 3. | Pindahan Dari Akaun Deposit | 15.54 | 12.39 | 3.15 | 25.4 | Deposit yang tidak dituntut selepas pewartaan telah dikreditkan ke hasil. |
| **PENURUNAN** | | | | | | |
| 4. | Royalti Petroleum (Pemberian Dana Khas) | 1,028.29 | 1,702.84 | (674.55) | (39.6) | Penurunan terimaan Hasil Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) adalah kerana mengambil kira faktor penurunan harga minyak. |
| 5. | Terimaan daripada Agensi Kerajaan yang Lain | 6.97 | 225.00 | (218.03) | (96.9) | Pada tahun 2020, Kerajaan negeri tidak menerima Pemberian Khas YAB Perdana Menteri sebagaimana tahun 2019. |
| 6. | Premium Tanah Biasa – Borang 5a | 47.56 | 82.78 | (35.22) | (42.5) | Bayaran premium tanah biasa oleh pihak Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) berkurang pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

### 6.5.4. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri

Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Royalti Petroleum (Pemberian Dana Khas); Tunggakan Dana Khas Kerajaan Persekutuan; Premium Tanah Biasa – Borang 5a; Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan di Bawah Senarai Bersama dan Pemberian Tahap. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM1.384 bilion atau 84.7% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2020 berbanding RM2.087 bilion atau 81.5% pada tahun 2019. Terimaan Dana Khas yang berjumlah RM1.028 bilion pula telah menyumbang 63% daripada keseluruhan hasil Kerajaan negeri pada tahun 2020. Terimaan tersebut merupakan Bayaran Hasil Petroleum setelah ditolak 5% untuk bayaran balik Hutang Awam sejumlah RM31.87 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**
**PENYUMBANG UTAMA HASIL**
**KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020 DAN 2019**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2020 | | 2019 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | JUMLAH HASIL (RM Juta) | PERATUS BERBANDING JUMLAH HASIL KESELURUHAN (%) | JUMLAH HASIL (RM Juta) | PERATUS BERBANDING JUMLAH HASIL KESELURUHAN (%) |
| 1. | Royalti Petroleum (Pemberian Dana Khas) | 1,028.29 | 63.0 | 1,702.84 | 66.5 |
| 2. | Tunggakan Dana Khas Kerajaan Persekutuan | 229.90 | 14.1 | 220.00 | 8.6 |
| 3. | Premium Tanah Biasa – Borang 5a | 47.56 | 2.9 | 82.78 | 3.2 |
| 4. | Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan di Bawah Senarai Bersama | 46.38 | 2.8 | 49.83 | 1.9 |
| 5. | Pemberian Tahap | 31.99 | 2.0 | 31.99 | 1.2 |
| **JUMLAH** | | **1,384.12** | **84.7** | **2,087.44** | **81.5** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

### 6.5.5. Perbelanjaan Mengurus

a. Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada dua jenis iaitu Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan bayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah untuk membiayai aktiviti dan kegiatan harian meliputi Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Maksud Perbekalan juga termasuk wang yang diperuntukkan kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pemberian atau pinjaman yang dianggap sebagai perbelanjaan.

b. Pada tahun 2020, anggaran perbelanjaan mengurus yang diluluskan menurun sebanyak RM172.33 juta atau 8.5% menjadi RM1.843 bilion berbanding RM2.015 bilion pada tahun 2019. Penurunan ketara anggaran belanja mengurus ialah di bawah kategori Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM171.46 juta atau 11.6%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**
**ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS**
**YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BUTIRAN PERBELANJAAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Emolumen | 285.56 | 292.95 | (7.39) | (2.5) |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 214.04 | 222.21 | (8.17) | (3.7) |
| Aset | 29.70 | 15.43 | 14.27 | 92.5 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 1,311.71 | 1,483.17 | (171.46) | (11.6) |
| Perbelanjaan Lain | 1.66 | 1.24 | 0.42 | 33.9 |
| **JUMLAH** | **1,842.67** | **2,015.00** | **(172.33)** | **(8.5)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

c. Analisis Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. sebanyak 122 maksud perbelanjaan bagi 27 jabatan/pejabat berjumlah RM20.10 juta atau 46.2% daripada RM43.49 juta peruntukan perbelanjaan mengurus yang diluluskan tidak dibelanjakan langsung;

ii. sebanyak 17 daripada 120 maksud perbelanjaan melibatkan enam jabatan/ pejabat dengan peruntukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM23.28 juta telah dibuat viremen keluar keseluruhannya; dan

iii. sebanyak 45 pindah peruntukan berjumlah RM1.19 juta tidak dibelanjakan langsung oleh 17 jabatan/pejabat kerana peruntukan asal masih mencukupi untuk menampung perbelanjaan.

**Maklum Balas PPNT yang Diterima Pada 24 Mei 2021**

Secara umumnya, peruntukan dan pindah peruntukan tidak dibelanjakan langsung bagi mengawal perbelanjaan serta langkah penjimatan dibuat melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2020.

d. Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2020 adalah berjumlah RM1.687 bilion iaitu 91.6% berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM1.843 bilion. Perbelanjaan sebenar berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**
**PERBELANJAAN SEBENAR PADA**
**TAHUN 2020 BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN**

| BIL. | BUTIRAN PERBELANJAAN | ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta) | PERATUS (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Emolumen | 285.56 | 259.52 | 90.9 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 214.04 | 183.54 | 85.8 |
| 3. | Aset | 29.70 | 12.06 | 40.6 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 1,311.71 | 1,231.08 | 93.9 |
| 5. | Perbelanjaan Lain | 1.66 | 1.27 | 76.5 |
| **JUMLAH** | | **1,842.67** | **1,687.47** | **91.6** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

e. Secara keseluruhannya, perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 menurun sebanyak RM613.52 juta atau 26.7% menjadi RM1.687 bilion berbanding RM2.301 bilion pada tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**
**PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | BUTIRAN PERBELANJAAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Emolumen | 259.52 | 262.86 | (3.34) | (1.3) |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 183.54 | 184.58 | (1.04) | (0.6) |
| 3. | Aset | 12.06 | 11.01 | 1.05 | 9.5 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 1,231.08 | 1,841.29 | (610.22) | (33.1) |
| 5. | Perbelanjaan Lain | 1.27 | 1.24 | 0.03 | 2.4 |
| **JUMLAH** | | **1,687.47** | **2,300.98** | **(613.52)** | **(26.7)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

f. Analisis Audit mendapati **penurunan perbelanjaan mengurus sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh perbelanjaan di bawah kategori Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**. Penurunan perbelanjaan bagi maksud tersebut dipengaruhi oleh penurunan perbelanjaan di bawah Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang Negara yang Lain, di mana hanya sejumlah RM31.87 juta dibelanjakan pada tahun 2020 berbanding RM425.71 juta pada tahun 2019, iaitu penurunan sebanyak RM393.84 juta.

g. Perbelanjaan untuk Pemberian dalam Negeri juga mencatatkan penurunan pada tahun 2020 iaitu dari RM1.342 billion menurun kepada RM1.152 billion. Penurunan perbelanjaan pada tahun 2020 adalah disebabkan pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri Terengganu iaitu perbelanjaan berhemat bagi mengawal perbelanjaan awam dan pengurangan penganjuran majlis rasmi/sosial akibat penularan wabak Covid 19.

h. Justifikasi peningkatan dan penurunan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN DAN PENURUNAN PERBELANJAAN YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | BUTIRAN PERBELANJAAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| **PENINGKATAN** | | | | | | |
| 1. | Gantian Cuti Rehat | 6.32 | 0.07 | 6.25 | 8,928.6 | Penyediaan bajet bagi kod Gantian Cuti Rehat (GCR) pekerja kontrak yang sebelumnya dibayar di bawah kod 11000 ditukar kepada kod 48000 pada tahun 2020. Selain itu, peningkatan perbelanjaan bagi kod ini disebabkan pertambahan bilangan pegawai yang bersara pada tahun 2020. |
| **PENURUNAN** | | | | | | |
| 2. | Faedah Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang Negara yang Lain | 31.87 | 425.71 | (393.84) | (92.5) | Penurunan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap disebabkan pada tahun 2020 hutang awam Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan telah di*set off* sejumlah RM31.87 juta berbanding sejumlah RM425.71 juta pada tahun 2019. |
| 3. | Tuntutan Insurans dan Pampasan | 0.00 | 12.00 | (12.00) | (100.0) | Tiada tuntutan bayaran mahkamah yang perlu dibayar pada tahun 2020. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

i. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM6.97 juta bagi perbelanjaan menangani Covid-19 dan telah dibelanjakan sepenuhnya. Peruntukan telah disalurkan kepada Pejabat Daerah, Pusat Khidmat Dewan

Undangan Negeri (DUN), Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan Jabatan Kesihatan Negeri. Peruntukan tersebut adalah bagi tujuan bantuan perubatan aset kritikal, bantuan pekerja bergaji harian, bayaran *one-off* kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), pengecualian sewaan hartanah PMINT dan bantuan *one-off* kepada anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

**j. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**

i. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar.

ii. Semakan Audit terhadap bayaran di bawah AP58(a) mendapati bekalan/perkhidmatan yang diperoleh sebelum tahun 2020 berjumlah RM7.49 juta dibayar pada tahun 2020, iaitu menurun sebanyak RM0.02 juta atau 0.2% berbanding RM7.51 juta pada tahun 2019.

iii. Analisis Audit mendapati **sebanyak 35 jabatan/pejabat membuat pembayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2020 berbanding 31 jabatan/pejabat pada tahun 2019**. Jabatan/pejabat yang tertinggi membuat pembayaran di bawah AP58(a) adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**
**SENARAI JABATAN/PEJABAT YANG MEMBUAT PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a) PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | JABATAN/ PEJABAT | 2020 | | 2019 | | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BAUCAR BAYARAN (Bil.) | JUMLAH (RM Juta) | BAUCAR BAYARAN (Bil.) | JUMLAH (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 858 | 4.66 | 463 | 6.91 | (2.25) | (32.5) |
| 2. | Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu | 476 | 1.11 | 119 | 0.16 | 0.95 | 593.8 |
| 3. | Dewan Undangan Negeri | 124 | 0.42 | 45 | 0.08 | 0.34 | 425 |
| 4. | Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu | 98 | 0.32 | 55 | 0.01 | 0.31 | 3,100 |
| 5. | Jabatan/Pejabat Lain* | 1,292 | 0.98 | 449 | 0.35 | 0.63 | 180 |
| **JUMLAH** | | **2,848** | **7.49** | **1,131** | **7.51** | **(0.02)** | **(0.3)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019
Nota : (*) 27 Jabatan/Pejabat bagi tahun 2019
31 Jabatan/Pejabat bagi tahun 2020

iv. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu merupakan jabatan yang tertinggi membuat pembayaran di bawah AP58(a) sejumlah RM4.66 juta atau 62.2% daripada keseluruhan jumlah bayaran AP58(a) pada tahun 2020.

v. Manakala jenis perbelanjaan yang tertinggi adalah Pemberian dan Kenaan Tetap berjumlah RM3.68 juta dan diikuti dengan perbelanjaan bagi Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM3.09 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**
**PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a)**
**MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN PADA TAHUN 2020**

| BIL. | BUTIRAN PERBELANJAAN | BILANGAN PTJ | JUMLAH (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| 1. | Emolumen | 60 | 0.62 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 72 | 3.09 |
| 3. | Aset | 2 | 0.03 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Tetap | 17 | 3.68 |
| 5. | Perbelanjaan Lain | 1 | 0.07 |
| **JUMLAH** | | | **7.49** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

vi. Semakan lanjut mendapati **pembayaran di bawah AP58(a) melibatkan sebanyak 2,848 baucar bayaran berjumlah RM7.49 juta merupakan bil tahun 2019 yang telah dibayar pada tahun 2020** seperti dalam **Jadual 17**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 961 baucar bayaran adalah bagi maksud Emolumen, 1,475 baucar Perkhidmatan dan Bekalan, dua baucar Aset, 409 baucar Pemberian dan Kenaan Tetap serta satu baucar Perbelanjaan Lain.

**JADUAL 17**
**PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a)**
**MENGIKUT PECAHAN BULAN BIL DITERIMA**

| BIL. | BIL TAHUN 2019 (Bulan) | BAUCAR BAYARAN TAHUN 2020 (Bil.) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Januari | 1 | 3,400 |
| 2. | April | 2 | 2,609 |
| 3. | Mei | 1 | 1,094 |
| 4. | Jun | 2 | 1,302 |
| 5. | Julai | 3 | 880 |
| 6. | Ogos | 9 | 9,796 |
| 7. | September | 6 | 12,128 |
| 8. | Oktober | 31 | 71,213 |
| 9. | November | 261 | 735,153 |

| BIL. | BIL TAHUN 2019 (Bulan) | BAUCAR BAYARAN TAHUN 2020 (Bil.) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|
| 10. | Disember | 2,532 | 6,657,493 |
| **JUMLAH** | | **2,848** | **7,495,068** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

**Maklum Balas PPNT yang Diterima Pada 24 Mei 2021**

Kelewatan pembayaran ini adalah disebabkan PTJ lewat menerima tuntutan iaitu selepas tarikh penutupan akaun pada 5 Disember 2019. Permohonan AP58(a) juga telah dipohon tetapi tidak dipertimbangkan dan dikuiri oleh Bendahari Negeri.

vii. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Mac 2021, sebanyak 1,636 baucar bayaran AP58(a) yang merupakan bil/tuntutan tahun 2020 berjumlah RM4.20 juta telah dibayar pada tahun 2021 seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**
**BIL TAHUN 2020 DIBAYAR**
**DI BAWAH AP58(a) SEHINGGA BULAN MAC 2021**

| BIL. | BIL TAHUN 2020 (Bulan) | BAUCAR BAYARAN TAHUN 2021 (Bil.) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Februari | 2 | 360 |
| 2. | Mac | 2 | 360 |
| 3. | Ogos | 1 | 285 |
| 4. | September | 3 | 615 |
| 5. | Oktober | 1 | 840 |
| 6. | November | 19 | 33,576 |
| 7. | Disember | 1,608 | 4,164,330 |
| **JUMLAH** | | **1,636** | **4,200,366** |

Sumber: Baucar Bayaran Januari Hingga Mac Tahun 2021

## 7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air atau Kumpulan Wang lain yang berkaitan.

7.2. **Pada tahun 2020, Kerajaan negeri tidak menerima sebarang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan**. Perkara ini menjadikan Akaun

Pinjaman Disatukan berbaki kosong iaitu untuk tujuh tahun berturut-turut semenjak tahun 2014. Pinjaman terakhir yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah pada tahun 2013 berjumlah RM22.93 juta bagi membiayai projek bekalan air.

## 8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. **Pada akhir tahun 2020, baki Akaun Amanah Disatukan adalah berjumlah RM262.84 juta, iaitu menurun sebanyak RM77.36 juta atau 22.7% berbanding RM340.20 juta pada tahun 2019**. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**
**KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BUTIRAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| **Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:** | | | | |
| **i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan** | **(109.74)** | **(14.15)** | **(95.59)** | **(675.5)** |
| • *Kumpulan Wang Pembangunan* | *(516.38)* | *(431.57)* | *(84.81)* | *(19.7)* |
| • *Kumpulan Wang Bekalan Air* | *68.41* | *69.22* | *(0.81)* | *(1.2)* |
| • *Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan* | *338.23* | *348.20* | *(9.97)* | *(2.9)* |
| **ii. Kumpulan Wang Amanah Awam** | **202.07** | **143.25** | **58.82** | **41.1** |
| **iii. Akaun Wang Deposit** | **170.51** | **211.10** | **(40.59)** | **(19.2)** |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **262.84** | **340.20** | **(77.36)** | **(22.7)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.2. Analisis Audit menunjukkan penurunan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2020 disebabkan oleh penurunan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM95.59 juta dan Akaun Wang Deposit sebanyak RM40.59 juta berbanding pada tahun 2019.

### 8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.3.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan

dan bayaran bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang Amanah ini disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga Akta Tatacara Kewangan 1957.

8.3.2. **Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2020 adalah berbaki defisit RM109.74 juta berbanding defisit RM14.15 juta pada tahun 2019** iaitu menurun sebanyak RM95.59 juta atau 675.5%. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM84.81 juta dan pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM9.97 juta pada tahun 2020.

## 8.4. Kumpulan Wang Pembangunan

### 8.4.1. Prestasi Kewangan

a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan kumpulan wang ini diperoleh melalui caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, Terimaan Pemberian dan Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan serta Terimaan Bayaran Balik Pinjaman daripada agensi Kerajaan negeri. Wang dalam kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

**JADUAL 20**
**KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BUTIRAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | (431.57) | (677.25) | 245.68 | 36.3 |
| Penerimaan | 520.99 | 735.60 | (214.61) | (29.2) |
| Pembayaran | 605.80 | 489.92 | 115.88 | 23.7 |
| Lebihan/Defisit Semasa | (84.81) | 245.68 | (330.49) | (134.5) |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **(516.38)** | **(431.57)** | **(84.81)** | **(19.7)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

b. **Pada tahun 2020, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit semasa berjumlah RM84.81 juta berbanding lebihan semasa RM245.68 juta pada tahun 2019**. Defisit ini adalah disebabkan oleh pembayaran berjumlah RM605.80 juta melebihi penerimaan

berjumlah RM520.99 juta. Hal ini menjadikan baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2020 berjumlah RM516.38 juta berbanding RM431.57 juta pada tahun 2019.

### 8.4.2. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020

a. Pada tahun 2020, peruntukan yang diluluskan bagi 16 jabatan/pejabat adalah berjumlah RM699.29 juta untuk melaksanakan 4,426 projek. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM605.80 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek pembangunan. Pencapaian perbelanjaan pembangunan sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak 86.6% seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2020**

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | PROJEK (Bil.) | PERUNTUKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 4,261 | 665.14 | 581.49 | 87.4 |
| 2. | Pejabat Tanah dan Galian Negeri | 13 | 20.00 | 19.89 | 99.5 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya Negeri | 13 | 1.50 | 1.49 | 99.3 |
| 4. | Pejabat Daerah Dungun | 7 | 1.20 | 0.70 | 58.3 |
| 5. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 24 | 1.50 | 0.35 | 23.3 |
| 6. | Pejabat Daerah Kemaman | 8 | 1.20 | 0.34 | 28.3 |
| 7. | Pejabat Daerah Kuala Terengganu | 6 | 2.00 | 0.31 | 15.5 |
| 8. | Jabatan Pertanian Negeri | 44 | 0.25 | 0.25 | 100.0 |
| 9. | Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri | 24 | 0.25 | 0.25 | 100.0 |
| 10. | Pejabat Daerah Marang | 5 | 1.20 | 0.20 | 16.6 |
| 11. | Pejabat Daerah Besut | 3 | 1.50 | 0.19 | 12.7 |
| 12. | Pejabat Daerah Setiu | 7 | 0.80 | 0.18 | 22.5 |
| 13. | Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu | 3 | 0.25 | 0.09 | 36.0 |
| 14. | Pejabat Daerah Hulu Terengganu | 3 | 0.80 | 0.07 | 8.8 |
| 15. | Pejabat Perbendaharaan Negeri | 2 | 0.50 | 0.00 | 0.0 |
| 16. | Pejabat Daerah Kuala Nerus | 3 | 1.20 | 0.00 | 0.0 |
| **JUMLAH** | | **4,426** | **699.29** | **605.80** | **86.6** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

b. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM605.80 juta bagi membiayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM489.92 juta pada tahun 2019. Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**
**KEDUDUKAN PERBELANJAAN**
**PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 581.49 | 469.14 | 112.35 | 24.0 |
| 2. | Pejabat Tanah dan Galian Negeri | 19.89 | 10.89 | 9.00 | 82.6 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya Negeri | 1.49 | 1.55 | (0.06) | (3.9) |
| 4. | Pejabat Daerah Dungun | 0.70 | 1.50 | (0.80) | (53.3) |
| 5. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 0.35 | 1.12 | (0.77) | (68.8) |
| 6. | Pejabat Daerah Kemaman | 0.34 | 1.04 | (0.70) | (67.3) |
| 7. | Pejabat Daerah Kuala Terengganu | 0.31 | 0.91 | (0.60) | (65.9) |
| 8. | Jabatan Pertanian Negeri | 0.25 | 0.87 | (0.62) | (71.3) |
| 9. | Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri | 0.25 | 0.71 | (0.46) | (64.8) |
| 10. | Pejabat Daerah Marang | 0.20 | 0.64 | (0.44) | (68.8) |
| 11. | Pejabat Daerah Besut | 0.19 | 0.52 | (0.33) | (63.5) |
| 12. | Pejabat Daerah Setiu | 0.18 | 0.50 | (0.32) | (64.0) |
| 13. | Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu | 0.09 | 0.24 | (0.15) | (62.5) |
| 14. | Pejabat Daerah Hulu Terengganu | 0.07 | 0.22 | (0.15) | (68.2) |
| 15. | Pejabat Perbendaharaan Negeri | 0.00 | 0.07 | (0.07) | (100.0) |
| 16. | Pejabat Daerah Kuala Nerus | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| **JUMLAH** | | **605.80** | **489.92** | **115.88** | **23.7** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

c. **Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM581.49 juta pada tahun 2020 atau 96% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2020**. Perbelanjaan sejumlah RM581.49 juta ini antaranya adalah bagi membiayai perbelanjaan Pembangunan Daerah Kuala Nerus sejumlah RM139.30 juta; Skim Bekalan Air Kuala Terengganu Utara sejumlah RM67.76 juta; Projek Khas sejumlah RM50.42 juta; Infrastruktur Bandar Baru Kijal, Kemaman sejumlah RM44 juta; Pembangunan Projek Kecil Seluruh DUN sejumlah RM28.80 juta; dan Program Perumahan Terengganuku Sejahtera (PPTS) sejumlah RM28.67 juta. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri pula mencatatkan perbelanjaan kedua tertinggi iaitu sejumlah RM19.89 juta bagi perbelanjaan Pengambilan Balik Tanah.

### 8.4.3. Prestasi Pelaksanaan Projek Tahun Semasa

Pada tahun 2020, sebanyak 4,426 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh 16 jabatan/pejabat. Secara keseluruhannya, sebanyak 4,294 atau 97% projek telah

siap dilaksanakan, 52 projek atau 1.2% sedang dilaksanakan dan 80 projek atau 1.8% belum dimulakan adalah seperti dalam **Jadual 23**.

**JADUAL 23**
**STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN**
**PROJEK PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2020**

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | PROJEK DILULUSKAN (Bil.) | SIAP (Bil.) | SEDANG DILAKSANAKAN (Bil.) | BELUM MULA (Bil.) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 4,261 | 4,142 | 52 | 67 |
| 2. | Jabatan Pertanian Negeri | 44 | 44 | 0 | 0 |
| 3. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri | 24 | 24 | 0 | 0 |
| 4. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 24 | 20 | 0 | 4 |
| 5. | Jabatan Kerja Raya Negeri | 13 | 13 | 0 | 0 |
| 6. | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri | 13 | 13 | 0 | 0 |
| 7. | Pejabat Daerah Kemaman | 8 | 7 | 0 | 1 |
| 8. | Pejabat Daerah Dungun | 7 | 7 | 0 | 0 |
| 9. | Pejabat Daerah Setiu | 7 | 7 | 0 | 0 |
| 10. | Pejabat Daerah Kuala Terengganu | 6 | 6 | 0 | 0 |
| 11. | Pejabat Daerah Marang | 5 | 5 | 0 | 0 |
| 12. | Pejabat Daerah Hulu Terengganu | 3 | 3 | 0 | 0 |
| 13. | Pejabat Daerah Kuala Nerus | 3 | 0 | 0 | 3 |
| 14. | Pejabat Daerah Besut | 3 | 1 | 0 | 2 |
| 15. | Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu | 3 | 2 | 0 | 1 |
| 16. | Pejabat Perbendaharaan Negeri | 2 | 0 | 0 | 2 |
| **JUMLAH** | | **4,426** | **4,294** | **52** | **80** |

Sumber: Jabatan Negeri

### 8.4.4. Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan Tahun 2016 Hingga 2020

a. Bagi menjayakan Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu untuk tempoh lima tahun bermula pada tahun 2016 hingga 2020, siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan negeri adalah berjumlah RM4.101 bilion dan telah diagihkan kepada 16 jabatan/pejabat. Jabatan/pejabat yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM3.749 bilion atau 91.4%. Pencapaian perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

**JADUAL 24**
**PENCAPAIAN PERBELANJAAN**
**PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020**

| TAHUN | PERUNTUKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|
| 2016 | 1,138.97 | 619.52 | 54.4 |
| 2017 | 839.70 | 673.24 | 80.2 |

| TAHUN | PERUNTUKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|
| 2018 | 823.43 | 511.99 | 62.2 |
| 2019 | 599.40 | 489.92 | 81.7 |
| 2020 | 699.29 | 605.80 | 86.6 |
| **JUMLAH** | **4,100.79** | **2,900.47** | **70.7** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

b. Analisis Audit mendapati **pencapaian perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah antara 54.4% hingga 86.6%. Pada keseluruhannya, sejumlah RM2.9 bilion atau 70.7% daripada RM4.101 bilion peruntukan telah dibelanjakan dalam tempoh tersebut**. Sebanyak 10 jabatan/pejabat telah membelanjakan lebih 50% peruntukan yang diluluskan iaitu di antara 50.7% hingga 72.3%. Sementara itu, sebanyak enam jabatan/pejabat lagi membelanjakan kurang daripada 50% peruntukan yang diluluskan, iaitu antara 3.0% hingga 48.1%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 25**.

**JADUAL 25**
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN**
**PEMBANGUNAN BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2020**

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | PERUNTUKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 3,749.46 | 2,710.74 | 72.3 |
| 2. | Jabatan Pertanian Negeri | 2.45 | 1.66 | 67.7 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya Negeri | 24.18 | 15.25 | 63.0 |
| 4. | Pejabat Tanah dan Galian Negeri | 200.00 | 119.83 | 59.9 |
| 5. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri | 2.70 | 1.61 | 59.6 |
| 6. | Pejabat Daerah Dungun | 8.70 | 5.18 | 59.5 |
| 7. | Pejabat Daerah Besut | 11.00 | 6.29 | 57.2 |
| 8. | Pejabat Daerah Hulu Terengganu | 6.30 | 3.47 | 55.1 |
| 9. | Pejabat Daerah Kuala Nerus | 8.70 | 4.54 | 52.2 |
| 10. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 24.45 | 12.40 | 50.7 |
| 11. | Pejabat Daerah Setiu | 4.80 | 2.31 | 48.1 |
| 12. | Pejabat Daerah Kuala Terengganu | 16.50 | 7.83 | 47.4 |
| 13. | Pejabat Daerah Kemaman | 8.70 | 4.07 | 46.8 |
| 14. | Pejabat Daerah Marang | 8.70 | 3.63 | 41.7 |
| 15. | Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu | 3.05 | 1.02 | 33.4 |
| 16. | Pejabat Perbendaharaan Negeri | 21.10 | 0.64 | 3.0 |
| **JUMLAH** | | **4,100.79** | **2,900.47** | **70.7** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Jabatan Negeri

c. Secara keseluruhannya, pencapaian pelaksanaan projek bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah baik di mana sebanyak 21,071 projek atau 99.4% telah siap dilaksanakan berbanding sebanyak 21,203 projek yang dirancang seperti dalam **Jadual 26.** Sebanyak 52 projek sedang dilaksanakan manakala 80 projek belum mula. Antara projek yang belum dimulakan seperti dalam **Jadual 27**.

**JADUAL 26**
**STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN**
**PROJEK PEMBANGUNAN BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2020**

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | PROJEK DILULUSKAN (Bil.) | SIAP (Bil.) | SEDANG DILAKSANAKAN (Bil.) | BELUM MULA (Bil.) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 19,718 | 19,599 | 52 | 67 |
| 2. | Pejabat Perbendaharaan Negeri | 8 | 6 | 0 | 2 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya Negeri | 64 | 64 | 0 | 0 |
| 4. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 261 | 257 | 0 | 4 |
| 5. | Pejabat Daerah Besut | 107 | 105 | 0 | 2 |
| 6. | Pejabat Daerah Dungun | 126 | 126 | 0 | 0 |
| 7. | Pejabat Daerah Hulu Terengganu | 88 | 88 | 0 | 0 |
| 8. | Pejabat Daerah Kemaman | 100 | 99 | 0 | 1 |
| 9. | Pejabat Daerah Kuala Terengganu | 122 | 122 | 0 | 0 |
| 10. | Pejabat Daerah Marang | 78 | 78 | 0 | 0 |
| 11. | Pejabat Daerah Setiu | 63 | 63 | 0 | 0 |
| 12. | Pejabat Tanah Dan Galian | 17 | 17 | 0 | 0 |
| 13. | Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu | 23 | 22 | 0 | 1 |
| 14. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri | 88 | 88 | 0 | 0 |
| 15. | Jabatan Pertanian Negeri | 100 | 100 | 0 | 0 |
| 16. | Pejabat Daerah Kuala Nerus | 240 | 237 | 0 | 3 |
| **JUMLAH** | | **21,203** | **21,071** | **52** | **80** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Jabatan Negeri

**JADUAL 27**
**SENARAI LIMA PROJEK NILAI TERBESAR YANG BELUM DIMULAKAN**

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | NAMA PROJEK | KOS PROJEK (RM Juta) | SEBAB BELUM MULA |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | *Dredging* di Pulau Kuching, Kemaman | 130.0 | Projek ditangguhkan kerana arahan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.3 Tahun 2020 para 4 menjelaskan semua projek yang belum dilaksanakan dan belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) hendaklah ditangguhkan dahulu. |

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | NAMA PROJEK | KOS PROJEK (RM Juta) | SEBAB BELUM MULA |
|---|---|---|---|---|
| 2. | | Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Bandar Dungun | 115.0 | Projek ini tidak dapat diteruskan kerana kekangan peruntukan pembangunan negeri. Projek ini terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya. |
| 3. | | Pusat Jualan Lemang Kijal Kemaman | 92.3 | Projek ini tidak dapat diteruskan kerana kekangan peruntukan pembangunan negeri. Projek ini terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya. |
| 4. | | Kompleks Perkedaian Paka, Dungun | 90.0 | Projek ini tidak dapat diteruskan kerana kekangan peruntukan pembangunan negeri. Projek ini terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya. |
| 5. | | Rumah Mampu Milik Alur Limbat Marang, Terengganu | 67.0 | Tiada perancangan di bawah Bahagian Perumahan Negeri Terengganu memandangkan tanah ini adalah milik Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

## 8.5. Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) 1980. Sumber kewangan kumpulan wang ini diperoleh melalui caruman daripada Kerajaan negeri dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Baki Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2020 berjumlah RM68.41 juta berbanding RM69.22 juta pada tahun 2019, iaitu menurun sebanyak RM0.81 juta. Penurunan ini adalah disebabkan RM0.81 juta telah dibelanjakan dan dalam masa yang sama, Kerajaan negeri tidak menerima sebarang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi projek bekalan air pada tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

**JADUAL 28**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BUTIRAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 69.22 | 70.09 | (0.87) | (1.2) |
| Penerimaan | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| Pembayaran | 0.81 | 0.87 | (0.06) | (6.9) |
| Lebihan/Defisit Semasa | (0.81) | (0.87) | 0.06 | 6.9 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **68.41** | **69.22** | **(0.81)** | **(1.2)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

## 8.6. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.6.1. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

**JADUAL 29**
**KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | BUTIRAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Akaun Penyelesaian | 0.17 | 4.51 | (4.34) | (96.2) |
| 2. | Akaun Perniagaan | 0.17 | 0.17 | 0.00 | 0.0 |
| 3. | Akaun Pinjaman | 16.04 | 39.09 | (23.05) | (59.0) |
| 4. | Kumpulan Wang Luar Jangka | 5.00 | 5.00 | 0.00 | 0.0 |
| 5. | Pelbagai Kumpulan Wang Amanah | 316.85 | 299.43 | 17.42 | 5.8 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | | **338.23** | **348.20** | **(9.97)** | **(2.9)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.6.2. Analisis Audit menunjukkan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM338.23 juta iaitu menurun sebanyak RM9.97 juta atau 2.9% berbanding RM348.20 juta pada tahun 2019. Pada akhir tahun 2020, Akaun Pinjaman mencatat penurunan tertinggi iaitu sebanyak RM23.05 juta atau 59% disebabkan penutupan Akaun Peruntukan Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Negeri sejumlah RM11.22 juta dan Akaun Pendahuluan Membeli Motosikal Jabatan sejumlah RM1.85 juta.

8.6.3. Baki Akaun Penyelesaian juga menurun sebanyak RM4.34 juta atau 96.2%. Penurunan ini disebabkan sejumlah RM3.38 juta Akaun Penyelesaian telah dipindahkan kepada Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD). Manakala Akaun Penyelesaian EFT Terbatal sejumlah RM0.49 juta dan Akaun Penyelesaian Cek Terbatal sejumlah RM0.47 juta telah dikreditkan ke akaun hasil.

### 8.6.4. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

a. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan. Pemberian ini berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyelenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, pejabat daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.

b. Pada akhir tahun 2020, baki kumpulan wang ini meningkat sebanyak RM17.43 juta menjadi RM266.85 juta berbanding RM249.42 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan penurunan perbelanjaan pada tahun 2020 sebanyak RM190 juta berbanding RM212.81 juta pada tahun 2019. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

**JADUAL 30**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| PERKARA | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 249.42 | 262.13 | (12.71) | (4.8) |
| Terimaan | 207.43 | 200.10 | 7.33 | 3.7 |
| Perbelanjaan | 190.00 | 212.81 | (22.81) | (10.7) |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **266.85** | **249.42** | **17.43** | **7.0** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

c. Pada akhir tahun 2020, sejumlah RM190 juta atau 91.6% telah dibelanjakan daripada jumlah terimaan RM207.43 juta bagi membiayai kerja penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana. Berdasarkan Malaysian Road Record Information System (MARRIS), panjang jalan negeri sehingga 31 Disember 2020 adalah 20,718.87 km, iaitu meningkat sebanyak 560.09 km berbanding 20,158.78 km pada 31 Disember 2019.

## 8.7. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.7.1. Kumpulan Wang Amanah Awam adalah kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan wang yang diperuntukkan daripada Kerajaan serta sumbangan daripada orang awam dan organisasi kepada Kerajaan negeri bagi tujuan tertentu. Kumpulan wang ini hendaklah diurus mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Setakat 31 Disember 2020, Kerajaan negeri mempunyai sebanyak 36 akaun amanah di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam. Baki kumpulan wang ini pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM202.07 juta berbanding RM143.25 juta pada tahun 2019 iaitu meningkat sebanyak RM58.82 juta atau 41.1%. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

**JADUAL 31**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG**
**AMANAH AWAM PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| PERKARA | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 143.25 | 128.70 | 14.55 | 11.3 |
| Penerimaan | 149.19 | 87.00 | 62.19 | 71.5 |
| Pembayaran | 90.37 | 72.45 | 17.92 | 24.7 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **202.07** | **143.25** | **58.82** | **41.1** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.7.2. Analisis Audit mendapati **akaun amanah yang menunjukkan peningkatan ketara adalah Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalanraya yang meningkat sebanyak RM16.77 juta menjadi RM81.52 juta pada tahun 2020 berbanding RM64.75 juta pada tahun 2019**. Manakala Akaun Amanah Tabung Perumahan Mampu Milik Negeri Terengganu meningkat sebanyak RM7.68 juta menjadi RM7.73 juta pada tahun 2020 berbanding RM0.05 juta pada tahun 2019.

8.7.3. Pada tahun 2020, terdapat satu akaun amanah baharu yang ditubuhkan iaitu Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD) berjumlah RM20.30 juta. ATTD mengakaunkan segala sumbangan atau caruman wang yang diterima daripada orang perseorangan, sektor swasta, persatuan pertubuhan tempatan atau antarabangsa dan kerajaan luar yang diamanahkan kepada kerajaan untuk tujuan sesuatu Kumpulan Wang Amanah atau Akaun Amanah, yang belum lagi dapat diperuntukkan ke kod-kod hasil/amanah/deposit berkenaan kerana akaun ini belum lagi diluluskan atau kod-kod akaun belum diperuntukkan.

### 8.7.4. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

a. Kumpulan wang ini diwujudkan mengikut Seksyen 56, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Tujuan penubuhannya adalah untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Punca kewangan bagi kumpulan wang ini adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan kutipan ses kayu balak.

b. Pada akhir tahun 2020, baki kumpulan wang ini meningkat sebanyak RM1.55 juta menjadi RM25.81 juta berbanding RM24.26 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan perbelanjaan pada tahun 2020 sebanyak RM4.26 juta lebih rendah berbanding RM6.29 juta pada tahun 2019. Kedudukan

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

**JADUAL 32**
**BAKI KUMPULAN WANG**
**PEMBANGUNAN HUTAN PADA TAHUN 2016 HINGGA 2020**

| PERKARA | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 2.98 | 0.61 | 7.37 | 15.91 | 24.26 |
| Penerimaan | 2.92 | 9.94 | 12.83 | 14.64 | 5.81 |
| Pembayaran | 5.29 | 3.18 | 4.29 | 6.29 | 4.26 |
| Lebihan/Defisit | (2.37) | 6.76 | 8.54 | 8.35 | 1.55 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **0.61** | **7.37** | **15.91** | **24.26** | **25.81** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

### 8.7.5. Akaun Amanah Dana Khas

a. Akaun Amanah Dana Khas ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhan adalah untuk memperakaun wang yang diterima bagi melaksanakan program, projek dan aktiviti yang memberi manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu yang diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah. Penerimaan akaun amanah ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan dan sumbangan orang awam, Pihak Berkuasa Berkanun atau mana-mana entiti yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Terengganu.

b. Pada akhir tahun 2020, akaun ini berbaki RM35.36 juta, meningkat sebanyak RM1.36 juta atau 4% berbanding RM34 juta pada tahun 2019. Sebanyak RM10 juta telah diterima daripada Kementerian Kewangan di bawah peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi untuk pelaksanaan projek berskala kecil di Negeri Terengganu pada tahun 2020. Kedudukan Akaun Amanah Dana Khas pada tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

**JADUAL 33**
**KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DANA**
**KHAS PADA TAHUN 2016 HINGGA 2020**

| PERKARA | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 35.64 | 140.99 | 103.55 | 52.59 | 34.00 |
| Penerimaan | 118.50 | 0.49 | 0.00 | 0.00 | 10.00 |
| Pembayaran | 13.15 | 37.93 | 50.96 | 18.59 | 8.64 |
| Lebihan/Defisit | 105.35 | (37.44) | (50.96) | (18.59) | 1.36 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **140.99** | **103.55** | **52.59** | **34.00** | **35.36** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 Hingga 2020

### 8.7.6. Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana

a. Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhan adalah untuk mengakaunkan wang yang diterima bagi tujuan mengimbuh kehilangan serta kerosakan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana alam. Penerimaan akaun amanah ini adalah daripada sumbangan orang awam, firma, institusi dan kerajaan.

b. Pada akhir tahun 2020, akaun ini berbaki RM7.36 juta iaitu meningkat sebanyak RM7.04 juta atau 2,200% berbanding RM0.32 juta pada tahun 2019. Peningkatan yang ketara adalah disebabkan penerimaan peruntukan bagi menangani Covid-19 daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kerajaan Persekutuan masing-masing berjumlah RM3.27 juta dan RM9.96 juta. Sebanyak RM1.79 juta atau 54.8% daripada peruntukan NADMA telah dibelanjakan manakala bagi peruntukan Kerajaan Persekutuan telah dibelanjakan sepenuhnya.

c. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pejabat Khidmat DUN. Peruntukan disalurkan bagi tujuan operasi nyah kuman, logistik urusetia pengurusan bencana, kempen pembudayaan norma baharu, bantuan pekerja bergaji harian, insentif *one-off* kepada petugas pihak berkuasa tempatan serta elaun khas penjawat awam yang bertugas di JKM. Kedudukan Akaun Amanah Tabung Bencana pada tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 34**.

**JADUAL 34**
**KEDUDUKAN AKAUN AMANAH TABUNG BENCANA PADA TAHUN 2016 HINGGA 2020**

| PERKARA | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 0.24 | 0.80 | 0.001 | 0.02 | 0.32 |
| Penerimaan | 0.80 | 0.001 | 0.10 | 0.82 | 18.84 |
| Pembayaran | 0.24 | 0.80 | 0.08 | 0.52 | 11.80 |
| Lebihan/Defisit | 0.56 | (0.799) | 0.02 | 0.30 | 7.04 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **0.80** | **0.001** | **0.02** | **0.32** | **7.36** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 Hingga 2020

## 8.8. Akaun Deposit

8.8.1. Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah jabatan bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan setelah selesai maksudnya. Mengikut Arahan

Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan.

8.8.2. Kerajaan negeri mempunyai dua jenis deposit iaitu Deposit Am Jabatan sejumlah RM120.21 juta dan Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan sejumlah RM50.30 juta. Wang deposit tersebut diselenggara oleh 28 jabatan/pejabat melalui 69 akaun deposit yang berjumlah RM170.51 juta. Baki akaun deposit pada tahun 2020 menurun sebanyak RM40.59 juta atau 19.2% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM211.10 juta.

8.8.3. Sebanyak 11 jabatan/pejabat mempunyai deposit melebihi RM1 juta. Sebanyak 17 jabatan/pejabat lain mempunyai deposit di antara RM2,300 hingga RM0.62 juta yang mana jumlah keseluruhan deposit berjumlah RM2.56 juta. Kedudukan deposit pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

**JADUAL 35**
**KEDUDUKAN DEPOSIT PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | JABATAN/PEJABAT | AKAUN DEPOSIT (Bil.) | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri | 1 | 51.15 | 51.23 | (0.08) | (0.16) |
| 2. | Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu | 2 | 29.65 | 32.00 | (2.35) | (7.34) |
| 3. | Jabatan Kerja Raya Negeri | 2 | 28.17 | 28.11 | 0.06 | 0.24 |
| 4. | Pejabat Tanah Kuala Terengganu | 4 | 23.61 | 46.41 | (22.80) | (49.12) |
| 5. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 4 | 16.83 | 28.84 | (12.01) | (41.6) |
| 6. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 2 | 6.54 | 7.03 | (0.49) | (6.9) |
| 7. | Pejabat Tanah Kemaman | 4 | 4.70 | 0.60 | 4.10 | 683.3 |
| 8. | Pejabat Tanah Dungun | 4 | 2.17 | 6.14 | (3.97) | (64.6) |
| 9. | Pejabat Tanah Marang | 4 | 2.05 | 2.11 | (0.06) | (2.8) |
| 10. | Pejabat Tanah Hulu Terengganu | 4 | 1.63 | 3.10 | (1.47) | (47.4) |
| 11. | Pejabat Tanah Besut | 4 | 1.45 | 1.90 | (0.45) | (23.7) |
| 12. | Jabatan/Pejabat Lain* | 34 | 2.56 | 3.63 | (1.07) | (29.5) |
| **JUMLAH** | | **69** | **170.51** | **211.10** | **(40.59)** | **(19.2)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019
Nota : (*) – Jabatan/Pejabat Lain (Tahun 2019 - 36 Akaun melibatkan 18 Jabatan/Pejabat & Tahun 2020 – 34 Akaun melibatkan 17 Jabatan/Pejabat)

8.8.4. Analisis Audit mendapati **baki Akaun Deposit bagi tujuh jabatan/ pejabat telah mencatatkan peningkatan manakala 20 jabatan/**

**pejabat telah menunjukkan penurunan berbanding tahun 2019**. Pejabat Tanah Kemaman mencatatkan peningkatan ketara sebanyak RM4.10 juta menjadi RM4.70 juta berbanding RM0.60 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan Deposit Am Jabatan yang dibayar oleh pendeposit. Pejabat Tanah Kuala Terengganu pula mencatatkan penurunan ketara sebanyak RM22.80 juta menjadi RM23.61 juta berbanding RM46.41 juta pada tahun 2019. Penurunan ini adalah disebabkan oleh bayaran balik deposit kepada pendeposit.

8.8.5. Pejabat Tanah dan Galian mempunyai wang deposit paling tinggi berjumlah RM51.15 juta. Ia terdiri daripada terimaan premium tanah sejumlah RM51.14 juta daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), diikuti Jabatan Perhutanan Negeri sejumlah RM29.65 juta dan Jabatan Kerja Raya Negeri sejumlah RM28.17 juta.

8.8.6. Semakan Audit mendapati **sejumlah RM654,292 perbezaan baki akhir Penyata Penyesuaian Deposit di antara baki jabatan dan baki Bendahari Negeri bagi tiga jabatan iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT), Jabatan Kerja Raya Negeri (JKR) dan Jabatan Bekalan Air (JBA). Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan perbezaan tersebut kerana tiada perincian disediakan**. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 36**.

**JADUAL 36**
**PERBEZAAN BAKI PENYATA PENYESUAIAN DEPOSIT DI ANTARA PEJABAT BENDAHARI NEGERI DAN JABATAN**

| BIL. | PERIHAL | KOD DEPOSIT | BAKI PADA 31.12.2020 | | PERBEZAAN (RM) | PENJELASAN TERHADAP PERBEZAAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | PEJABAT BENDAHARI NEGERI (RM) | JABATAN (RM) | | |
| **JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU** | | | | | | |
| 1. | Akaun Deposit Am Jabatan Negeri | 79501 | 29,630,726 | 29,071,644 | 559,082 | Dalam proses tindakan jabatan |
| **JABATAN KERJA RAYA NEGERI** | | | | | | |
| 2. | Akaun Deposit Am Jabatan | 79501 | 865,898 | 866,148 | 250 | Perbezaan tidak dapat dikenal pasti |
| 3. | Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan | 79507 | 26,985,245 | 26,964,969 | 20,276 | Perbezaan tidak dapat dikenal pasti |
| **JABATAN BEKALAN AIR** | | | | | | |
| 4. | Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan | 79507 | 86,683 | 161,367 | 74,684 | Dalam proses semakan jabatan |
| **JUMLAH** | | | | | **654,292** | |

Sumber: Jabatan Negeri

**Maklum Balas PPNT yang Diterima Pada 24 Mei 2021**

JPNT- Perbezaan baki akhir ini merupakan perbezaan rekod pendeposit antara JPNT dengan PPNT. JPNT masih dalam proses siasatan untuk mengenal pasti perbezaan tersebut serta sedang mengemas kini lejar deposit.

JKR- Perbezaan bagi Akaun Amanah Deposit Am Jabatan telah diselaraskan melalui tambahan peruntukan daripada PPNT pada 29 Mac 2021. Manakala bagi Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan, jabatan telah mendapat satu salinan lejar sejak tahun 2005 hingga 2010 dari PPNT untuk mengenal pasti rekod keseluruhan transaksi berkaitan amanah dan deposit.
JKR mengalami kesukaran disebabkan lejar berkenaan juga tidak lengkap sepenuhnya memandangkan transaksi keseluruhan jabatan yang perlu disemak dari awal ialah sejak tahun 1999 iaitu sebelum sistem SPEKS beroperasi. JKR masih memerlukan masa untuk melakukan semakan terperinci terutamanya berkaitan rekod-rekod lama memandangkan banyak baucar lama yang telah dilupuskan.

JBA- Perbezaan ini telah lama berlaku tetapi hanya dikenal pasti pada tahun 2019. Ini disebabkan buku rekod penyata penyesuaian deposit JBA yang terdahulu tidak diuruskan dengan teratur. Bagaimanapun, jabatan telah mengambil tindakan dengan mengemas kini buku rekod tersebut.

8.8.7. Pada tahun 2020, sebanyak 13 jabatan/pejabat telah mengambil tindakan pewartaan wang deposit bagi 21 akaun deposit berjumlah RM15.55 juta dari tahun 1983 hingga 2017 melibatkan 821 pendeposit. Deposit tersebut telah dikreditkan ke hasil negeri memandangkan tiada tuntutan atau bayaran balik kepada pendeposit selepas tempoh tiga bulan ia diwartakan. Butirannya seperti dalam **Jadual 37**.

**JADUAL 37**
**DEPOSIT YANG TELAH DIJADIKAN HASIL NEGERI**

| BIL. | JABATAN/PEJABAT | AKAUN DEPOSIT (Bil.) | PENDEPOSIT (Bil.) | TEMPOH DEPOSIT DITERIMA | JUMLAH DEPOSIT (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pejabat Setiausaha Kerajaan (Unit Perancang Ekonomi Negeri) | 1 | 9 | 2010-2014 | 0.92 |
| 2. | Pejabat Setiausaha Kerajaan (Kerajaan Tempatan) | 1 | 12 | 2009-2015 | 0.27 |
| 3. | Jabatan Perikanan Negeri Terengganu | 2 | 194 | 1983-2014 | 0.24 |
| 4. | Pejabat Setiausaha Kerajaan (Perumahan) | 1 | 8 | 2008-2013 | 8.59 |
| 5. | Pejabat Tanah Besut | 3 | 65 | 1988-2017 | 0.41 |
| 6. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 2 | 16 | 2005-2015 | 0.90 |
| 7. | Pejabat Tanah Dungun | 1 | 15 | 2000-2013 | 0.01 |
| 8. | Jabatan Bekalan Air | 1 | 23 | 1999-2011 | 0.35 |

| BIL. | JABATAN/PEJABAT | AKAUN DEPOSIT (Bil.) | PENDEPOSIT (Bil.) | TEMPOH DEPOSIT DITERIMA | JUMLAH DEPOSIT (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| 9. | Pejabat Tanah Kuala Nerus | 4 | 111 | 2005-2017 | 0.45 |
| 10. | Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut | 1 | 8 | 1994-2011 | 0.01 |
| 11. | Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu | 1 | 342 | 1990-2009 | 3.28 |
| 12. | Pejabat KDYMM Sultan Terengganu | 1 | 3 | 2016 | 0.06 |
| 13. | Pejabat Daerah Besut | 2 | 15 | 2006-2017 | 0.06 |
| **JUMLAH** | | **21** | **821** | | **15.55** |

Sumber: Jabatan Negeri

8.8.8. Analisis Audit mendapati sebanyak 49 akaun deposit sejak tahun 1983 hingga 2018 berjumlah RM138.10 juta merupakan deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan seperti dalam **Jadual 38**.

**JADUAL 38**
**DEPOSIT TIDAK DITUNTUT BAGI TAHUN 1983 HINGGA 2018**

| BIL. | JABATAN/PEJABAT | AKAUN DEPOSIT (Bil.) | PENDEPOSIT (Bil.) | TEMPOH DEPOSIT DITERIMA | JUMLAH DEPOSIT (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri | 1 | 7 | 2007-2017 | 51.15 |
| 2. | Jabatan Perhutanan Negeri | 2 | 1103 | 1992-2018 | 24.85 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya Negeri | 2 | 956 | 1999-2018 | 22.60 |
| 4. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 4 | 593 | 1983-2018 | 14.14 |
| 5. | Pejabat Tanah Kuala Terengganu | 2 | 76 | 2009-2018 | 11.51 |
| 6. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 2 | 56 | 1997-2018 | 6.12 |
| 7. | Pejabat Tanah Hulu Terengganu | 3 | 147 | 1984-2018 | 1.57 |
| 8. | Pejabat Tanah Dungun | 3 | 480 | 1990-2018 | 1.55 |
| 9. | Pejabat Tanah Marang | 3 | 62 | 2001-2018 | 1.53 |
| 10. | Pejabat Tanah Besut | 2 | 20 | 2015-2018 | 1.06 |
| 11. | Jabatan Bekalan Air | 2 | 26 | 2007-2017 | 0.55 |
| 12. | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri | 2 | 375 | 1992-2018 | 0.41 |
| 13. | Pejabat Tanah Kemaman | 2 | 53 | 2016-2018 | 0.34 |
| 14. | Pejabat Tanah Setiu | 2 | 73 | 2004-2018 | 0.20 |
| 15. | Pejabat Daerah Setiu | 1 | 6 | 2015-2016 | 0.15 |
| 16. | Pejabat Daerah Marang | 2 | 53 | 2009-2018 | 0.12 |
| 17. | Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri | 2 | 2 | 2017-2018 | 0.06 |
| 18. | Pejabat Daerah Kemaman | 2 | 5 | 2011-2018 | 0.06 |
| 19. | Pejabat Daerah Kuala Terengganu | 2 | 8 | 2011-2017 | 0.05 |
| 20. | Pejabat Daerah Besut | 2 | 3 | 2018 | 0.04 |
| 21. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri | 1 | 11 | 2016-2018 | 0.02 |
| 22. | Pejabat Tanah Kuala Nerus | 2 | 3 | 2018 | 0.01 |
| 23. | Jabatan/Pejabat Lain* | 3 | 12 | 2011-2018 | 0.01 |
| **JUMLAH** | | **49** | **4,130** | | **138.10** |

Sumber : Jabatan Audit Negara
Nota : (*) 3 jabatan/pejabat terlibat adalah Pejabat Daerah Kuala Nerus, Jabatan Pertanian Negeri Terengganu dan Pejabat Daerah Dungun

#### 8.8.9. Wang Jaminan Pelaksanaan

a. Arahan Perbendaharaan 200.2 menetapkan Bon Pelaksanaan disediakan bagi kontrak kerja melebihi RM200,000. Salah satu kaedah bayaran ialah melalui Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP). WJP boleh dikembalikan 50% selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan dan 50% lagi dilepaskan setelah tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan [Certificate of Making Good Defects – (CMGD)] dikeluarkan mengikut mana yang terkemudian.

b. Pada akhir tahun 2020, baki WJP adalah berjumlah RM50.30 juta iaitu menurun sebanyak RM12.90 juta atau 20.4% berbanding RM63.20 juta pada tahun 2019. Penurunan ini adalah disebabkan pemulangan deposit oleh jabatan/pejabat. Manakala sejumlah RM15.92 juta WJP melibatkan 65 pendeposit tidak bergerak melebihi lima tahun bermula dari tahun 1999 hingga 2015 seperti dalam **Jadual 39**. **WJP tidak dapat dipulangkan kerana fail projek tidak ditemui, pendeposit telah meninggal, CMGD belum dikeluarkan, kecacatan belum selesai dibaiki dan lain-lain**.

**JADUAL 39**
**WANG JAMINAN PELAKSANAAN**
**YANG TIDAK BERGERAK MELEBIHI LIMA TAHUN**

| BIL. | JABATAN/PEJABAT | AKAUN PENDEPOSIT (Bil.) | TEMPOH DEPOSIT DITERIMA | JUMLAH DEPOSIT (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Jabatan Kerja Raya Negeri | 17 | 1999-2015 | 11.19 |
| 2. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 25 | 2010-2015 | 3.91 |
| 3. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri | 1 | 2015 | 0.61 |
| 4. | Jabatan Bekalan Air | 13 | 2007-2015 | 0.16 |
| 5. | Pejabat Daerah Marang | 3 | 2010-2014 | 0.03 |
| 6. | Jabatan Perhutanan Negeri | 5 | 2004-2013 | 0.02 |
| 7. | Pejabat Daerah Setiu | 1 | 2015 | 0.00* |
| **JUMLAH** | | **65** | | **15.92** |

Sumber: Jabatan Audit Negara
Nota : (*) RM5,002.71

## 9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Memorandum Aset dan Memorandum Liabiliti. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan negeri iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan. Memorandum Liabiliti pula menunjukkan liabiliti Kerajaan negeri iaitu Hutang Awam.

## 9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada agensi negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan negeri atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri tidak memberi sebarang pinjaman baharu kepada agensi negeri.

9.1.2. Pada tahun 2020, baki Pinjaman Boleh Dituntut (pokok dan tunggakan faedah) adalah berjumlah RM177.53 juta iaitu menurun sebanyak RM11.67 juta atau 6.2% berbanding RM189.20 juta pada tahun 2019. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

**JADUAL 40**
**KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | AGENSI/SYARIKAT | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) | 57.35 | 62.35 | (5.00) | (8.0) |
| 2. | Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) | 120.18 | 126.85 | (6.67) | (5.3) |
| **JUMLAH** | | **177.53** | **189.20** | **(11.67)** | **(6.2)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

9.1.3. Pada tahun 2020, bayaran balik pinjaman yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan negeri adalah berjumlah RM69.02 juta (anuiti tahun semasa sejumlah RM6.67 juta dan tunggakan bayaran balik awal tahun 2020 sejumlah RM62.35 juta). Bagaimanapun, bayaran balik pinjaman yang diterima oleh Kerajaan negeri pada tahun 2020 adalah sejumlah RM11.67 juta atau 16.9% iaitu RM6.67 juta adalah bayaran anuiti oleh TISB dan RM5 juta adalah bayaran tunggakan pinjaman oleh PMINT.

### 9.1.4. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

a. Pada akhir tahun 2020, Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut adalah berjumlah RM57.35 juta iaitu menurun sebanyak RM5 juta atau 8% berbanding RM62.35 juta pada tahun 2019. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 41**.

**JADUAL 41**
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK**
**PINJAMAN BOLEH TUNTUT PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | AGENSI/SYARIKAT | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) | 57.35 | 62.35 | (5.00) | (8.0) |
| **JUMLAH** | | **57.35** | **62.35** | **(5.00)** | **(8.0)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

b. Mengikut perjanjian pinjaman antara Kerajaan negeri dan agensi, bayaran balik pinjaman hendaklah dibayar mengikut jadual bayaran balik dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 11 pinjaman yang sepatutnya telah selesai masih mempunyai baki belum selesai berjumlah RM57.35 juta (pokok dan faedah). Pinjaman ini adalah pinjaman yang diberi kepada PMINT yang mana sepatutnya diselesaikan seawal tahun 1988 dan selewat-lewatnya pada tahun 2000.

c. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **sembilan pinjaman kepada PMINT berjumlah RM38.19 juta (pokok) yang dikeluarkan antara tahun 1981 hingga 1993 belum pernah dibuat bayaran balik.** Faedah tertunggak bagi sembilan pinjaman ini adalah berjumlah RM8.53 juta menjadikan baki pinjaman yang perlu dijelaskan berjumlah RM46.72 juta.

## 9.2. Pelaburan

Pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan tidak dilaporkan di Penyata Kedudukan Kewangan tetapi ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2020, Pelaburan Kerajaan negeri adalah berjumlah RM3.454 juta, meningkat sebanyak RM1,914 atau 0.1% berbanding RM3.453 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan dividen yang diterima pada tahun 2020 sejumlah RM141,360 telah dilaburkan semula sebagai unit tambahan sebanyak 545,676 unit, menjadikan pelaburan keseluruhannya sebanyak 13.4 juta unit pada tahun 2020. Harga seunit saham pada akhir tahun 2020 menurun kepada RM0.2579 seunit berbanding RM0.2687 seunit pada tahun 2019.

## 9.3. Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan negeri boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pinjaman yang belum dijelaskan merupakan hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan dinyatakan sebagai Hutang Awam dalam Penyata Kewangan. Kedudukan Hutang Awam (pokok dan

tunggakan faedah) pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 42**.

**JADUAL 42**
**KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | BUTIRAN PINJAMAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Bekalan Air | 226.71 | 251.52 | (24.81) | (9.9) |
| 2. | Perumahan Awam Kos Rendah | 53.26 | 58.46 | (5.20) | (8.9) |
| **JUMLAH** | | **279.97** | **309.98** | **(30.01)** | **(9.7)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

9.3.2. Analisis Audit menunjukkan pada akhir tahun 2020, baki hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sebanyak RM30.01 juta atau 9.7% menjadi RM279.97 juta berbanding RM309.98 juta pada tahun 2019. Penurunan ini adalah disebabkan bayaran balik hutang oleh Kerajaan negeri sejumlah RM31.87 juta (pokok dan tunggakan faedah) serta pertambahan anuiti (faedah) tahun semasa sebanyak RM1.86 juta. Selain itu, tiada pinjaman baharu yang diterima pada tahun 2020.

9.3.3. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 43**.

**JADUAL 43**
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG AWAM PADA TAHUN 2020 DAN 2019**

| BIL. | BUTIRAN PINJAMAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Bekalan Air | 30.54 | 30.44 | 0.10 | 0.3 |
| 2. | Perumahan Awam Kos Rendah | 6.54 | 3.25 | 3.29 | 101.2 |
| **JUMLAH** | | **37.08** | **33.69** | **3.39** | **10.1** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

9.3.4. Baki tunggakan Hutang Awam telah meningkat sebanyak RM3.39 juta atau 10.1% kepada RM37.08 juta pada tahun 2020 berbanding RM33.69 juta pada tahun 2019.

9.3.5. Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik (pokok dan faedah) berjumlah RM31.87 juta bagi dua maksud pinjaman seperti dalam **Jadual 44**. Bayaran balik tahun 2020 yang berjumlah RM31.87 juta adalah merangkumi RM30.36 juta (pokok) dan RM1.51 juta (faedah) telah dijelaskan secara tolak selesai (set off) melalui pemotongan 5% Bayaran Tunai Petroleum daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

**JADUAL 44**
**BAYARAN BALIK HUTANG KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020**

| BIL. | BUTIRAN PINJAMAN | BAYARAN BALIK TAHUN 2020 | | JUMLAH BAYARAN BALIK (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|
| | | POKOK (RM Juta) | FAEDAH (RM Juta) | |
| 1. | Bekalan Air | 24.81 | 0.00 | 24.81 |
| 2. | Perumahan Awam Kos Rendah | 5.55 | 1.51 | 7.06 |
| **JUMLAH** | | **30.36** | **1.51** | **31.87** |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

## 10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada penyata kewangan. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

### 10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan negeri pada suatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada bayaran balik pinjaman boleh dituntut, cukai tanah dan lain-lain hasil. Kedudukan ABT pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 45**.

**JADUAL 45**
**KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | BUTIRAN | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Bayaran Balik Pinjaman | 57.35 | 62.35 | (5.00) | (8.0) |
| 2. | Cukai Tanah | 26.57 | 24.10 | 2.47 | 10.2 |
| 3. | Lain-lain Hasil | 12.01 | 0.34 | 11.67 | >1,000 |
| **JUMLAH** | | **95.93** | **86.79** | **9.14** | **10.5** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

10.1.2. Pada akhir tahun 2020, jumlah ABT Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM9.14 juta atau 10.5% menjadi RM95.93 juta berbanding RM86.79 juta pada tahun 2019. Faktor peningkatan ABT pada tahun 2020 adalah disebabkan Kerajaan Negeri Terengganu mengambil kira baki hutang Universiti Sultan Zainal Abidin berjumlah RM11.80 juta yang merupakan perbelanjaan pengubahsuaian ke atas Bangunan Canselori di Kampus Kota.

10.1.3. Kedudukan ABT pada tahun 2020 mengikut tempoh tunggakan adalah seperti dalam **Jadual 46**.

**JADUAL 46**
**KEDUDUKAN ABT MENGIKUT TEMPOH TUNGGAKAN PADA 31 DISEMBER 2020**

| BIL. | BUTIRAN TUNGGAKAN | 1 TAHUN (RM Juta) | 1-3 TAHUN (RM Juta) | 4-6 TAHUN (RM Juta) | > 6 TAHUN (RM Juta) | JUMLAH (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Bayaran Balik Pinjaman | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 57.35 | 57.35 |
| 2. | Cukai Tanah | 12.53 | 2.52 | 0.79 | 10.73 | 26.57 |
| 3. | Lain-lain Hasil | 0.01 | 0.05 | 0.14 | 11.81 | 12.01 |
| **JUMLAH** | | **12.54** | **2.57** | **0.93** | **79.89** | **95.93** |

Sumber: Penyata Akaun Belum Terima

10.1.4. Mengikut Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 94(2), Cukai Tanah tahun semasa hendaklah dibayar dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Mei. Cukai Tanah yang tidak dibayar dalam tempoh tersebut akan menjadi tunggakan. Kedudukan tunggakan Cukai Tanah mengikut pejabat tanah pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 47**.

**JADUAL 47**
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH MENGIKUT PEJABAT TANAH PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

| BIL. | PEJABAT | 2020 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Pejabat Tanah Kemaman | 9.88 | 9.25 | 0.63 | 6.8 |
| 2. | Pejabat Tanah Hulu Terengganu | 3.06 | 2.73 | 0.33 | 12.1 |
| 3. | Pejabat Tanah Besut | 2.39 | 2.27 | 0.12 | 5.3 |
| 4. | Pejabat Tanah Dungun | 2.45 | 2.20 | 0.25 | 11.4 |
| 5. | Pejabat Tanah Kuala Terengganu | 2.32 | 2.10 | 0.22 | 10.5 |
| 6. | Pejabat Tanah Marang | 2.13 | 1.96 | 0.17 | 8.7 |
| 7. | Pejabat Tanah Kuala Nerus | 2.34 | 1.89 | 0.45 | 23.8 |
| 8. | Pejabat Tanah Setiu | 2.00 | 1.70 | 0.30 | 17.6 |
| **JUMLAH** | | **26.57** | **24.10** | **2.47** | **10.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

10.1.5. Analisis Audit mendapati kesemua lapan pejabat tanah mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah berbanding tahun 2019. Pejabat Tanah Kemaman mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah tertinggi pada tahun 2020 iaitu sebanyak RM0.63 juta menjadi RM9.88 juta berbanding RM9.25 juta pada tahun 2019.

## 11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada akhir tahun 2020 adalah seperti berikut:

11.1. kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2020 berjumlah RM466.20 juta, menurun sebanyak RM131.36 juta atau 22% berbanding RM597.56 juta pada tahun 2019;

11.2. hasil yang diperoleh pada tahun 2020 berjumlah RM1.633 bilion iaitu menurun sebanyak RM927.49 juta atau 36.2% berbanding RM2.561 bilion pada tahun 2019;

11.3. perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 menurun sebanyak RM613.52 juta atau 26.7% menjadi RM1.687 bilion berbanding RM2.301 bilion pada tahun 2019;

11.4. pelaburan berjumlah RM300 juta pada tahun 2020 menurun sebanyak RM110 juta atau 26.8% berbanding RM410 juta pada tahun 2019;

11.5. pembayaran di bawah AP 58(a) telah menurun sebanyak RM0.02 juta atau 0.3% menjadi RM7.49 juta pada tahun 2020 berbanding RM7.51 juta pada tahun 2019. Manakala bilangan baucar pada tahun 2020 meningkat sebanyak 1,717 baucar berbanding tahun 2019;

11.6. Akaun Amanah Disatukan menurun sebanyak RM77.36 juta atau 22.7% menjadi RM262.84 juta pada tahun 2020 berbanding RM340.20 juta pada tahun 2019;

11.7. Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit semasa pada tahun 2020 berjumlah RM84.81 juta berbanding lebihan semasa RM245.68 juta pada tahun 2019;

11.8. Kerajaan negeri telah berjaya melaksanakan sebanyak 4,294 atau 97% daripada 4,426 projek yang dirancang bagi tahun 2020. Sejumlah RM605.80 juta atau 86.6% telah dibelanjakan berbanding RM699.29 juta peruntukan yang diluluskan;

11.9. Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2020 berjumlah RM177.53 juta iaitu menurun sebanyak RM11.67 juta atau 6.2% berbanding RM189.20 juta pada tahun 2019. Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut juga menurun sebanyak RM5 juta atau 8% menjadi RM57.35 juta pada tahun 2020 berbanding RM62.35 juta pada tahun 2019;

11.10. Hutang Awam menurun sebanyak RM30.01 juta atau 9.7% menjadi RM279.97 juta pada tahun 2020 berbanding RM309.98 juta pada tahun 2019. Bagaimanapun, tunggakan bayaran balik Hutang Awam meningkat sebanyak RM3.39 juta atau 10.1% menjadi RM37.08 juta pada tahun 2020 berbanding RM33.69 juta pada tahun 2019; dan

11.11. Akaun Belum Terima meningkat sebanyak RM9.14 juta atau 10.5% menjadi RM95.93 juta pada tahun 2020 berbanding RM86.79 juta pada tahun 2019.

## 12. SYOR AUDIT

Kerajaan negeri perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung keseluruhan perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta tanggungan semasa. Kerajaan negeri perlu mengamalkan pengurusan kewangan lebih berhemat dan disiplin fiskal yang tinggi demi memastikan keadaan kewangan terus kukuh dan terkawal tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Sehubungan itu, PPNT adalah disyorkan:

12.1. membuat pelarasan secara manual bagi transaksi wang tunai dalam perjalanan yang telah dikenal pasti selepas penyata penyesuaian disediakan dan disemak;

12.2. memastikan kelulusan khas pembayaran AP 58(a) dikurangkan bagi mengelakkan penggunaan peruntukan tahun semasa dan mengawal perbelanjaan;

12.3. memastikan penyata penyesuaian deposit disemak serta membuat pemantauan terhadap jabatan/PTJ yang lewat mengesahkan penyata penyesuaian. Selain itu, pihak jabatan/PTJ perlu memastikan deposit yang memenuhi syarat perlu dikembalikan kepada pendeposit; dan

12.4. memastikan tindakan berterusan diambil untuk meningkatkan hasil Kerajaan negeri dan mengutip tunggakan hasil serta mengenal pasti sumber pendapatan baharu.

# BAHAGIAN III

## PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

## BAHAGIAN III
## PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

### Perkara Utama

**Apa yang diaudit?**

- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

**Apa yang ditemui Audit?**

- Setakat 31 Ogos 2021, tujuh BBN, tujuh PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk diaudit. Satu BBN lagi masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2020 untuk diaudit iaitu Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.

- Daripada 15 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan, 14 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana dinyatakan dalam undang-undang tubuh agensi. Satu agensi lagi telah mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan dan telah mendapat kelulusan Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu.

- Bagi penyata kewangan tahun 2020, hanya tiga penyata kewangan yang telah disahkan setakat 31 Ogos 2021 iaitu Yayasan Islam Terengganu dan Majlis Perbandaran Dungun yang diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran. Lembaga Muzium Negeri Terengganu pula diberikan Sijil Ketua Audit Negara Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara (Emphasis of Matter). Manakala 12 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan. Pada tahun 2021, negara masih berdepan dengan pandemik Covid-19. Keadaan ini telah menjejaskan proses pengesahan penyata kewangan tahun 2020 bagi agensi negeri berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

- Analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam laporan kali ini kerana ianya tidak dapat memberi gambaran sebenar berkaitan kedudukan kewangan agensi negeri secara keseluruhannya memandangkan hanya tiga penyata kewangan sahaja yang telah disahkan.

# BAHAGIAN III
## PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

### FAKTA UTAMA

**PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2020**

| Bilangan Agensi Negeri | | 16 Akaun Agensi | |
|---|---|---|---|
| 8 | Badan Berkanun Negeri | 2 | Pendapat Tanpa Teguran |
| 7 | Pihak Berkuasa Tempatan | 1 | Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan *Emphasis of Matter* |
| 1 | Majlis Agama Islam | 13 | Belum Disahkan |

## 1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri, iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat sama ada penyata kewangan agensi negeri menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

## 2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2021, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 16 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun kewangan 2020, iaitu lapan BBN, tujuh PBT dan satu MAI. BBN ditubuhkan di bawah enakmen tubuh agensi masing-masing, PBT pula ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) manakala MAI ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu) 1422H/2001M.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi satu BBN, satu PBT dan MAI manakala 13 penyata kewangan lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 (Akta 62), yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berwibawa untuk menjalankan

pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2020 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut ialah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

## 3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT) telah menetapkan bahawa penyata kewangan tahun 2020 hendaklah dikemukakan berdasarkan ketetapan yang dinyatakan dalam enakmen tubuh agensi masing-masing. Setakat 31 Ogos 2021, tujuh BBN, tujuh PBT serta MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk diaudit. Satu BBN lagi masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2020 untuk diaudit iaitu Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu. Daripada 15 agensi terlibat, 14 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana dinyatakan dalam enakmen tubuh agensi masing-masing manakala satu agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**
**AGENSI NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

| BIL. | AGENSI NEGERI | TARIKH TERIMA |
|---|---|---|
| **BADAN BERKANUN NEGERI** | | |
| 1. | Lembaga Muzium Negeri Terengganu | 10.03.2021 |
| 2. | Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu | 28.04.2021 |
| 3. | Yayasan Islam Terengganu | 05.05.2021 |
| 4. | Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu | 30.05.2021 |
| 5. | Majlis Sukan Negeri Terengganu | 14.06.2021 |
| 6. | Yayasan Terengganu | 18.07.2021 |
| 7. | Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu | 23.08.2021* |
| 8. | Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu | Belum diterima |
| **PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | |
| 1. | Majlis Perbandaran Dungun | 21.03.2021 |
| 2. | Majlis Daerah Besut | 23.03.2021 |
| 3. | Majlis Daerah Marang | 04.04.2021 |
| 4. | Majlis Perbandaran Kemaman | 07.04.2021 |

| BIL. | AGENSI NEGERI | TARIKH TERIMA |
|---|---|---|
| 5. | Majlis Daerah Setiu | 29.04.2021 |
| 6. | Majlis Daerah Hulu Terengganu | 30.06.2021 |
| 7. | Majlis Bandaraya Kuala Terengganu | 30.06.2021 |
| **MAJLIS AGAMA ISLAM** | | |
| 1. | Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu | 30.06.2021 |

Sumber: Jabatan Audit Negara
Nota : (*) – Telah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh daripada PPNT

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mestilah lengkap dan boleh diaudit. Penyata kewangan hendaklah mengandungi Penyata Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah yang bertandatangan; Pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan yang bertandatangan; dan dokumen serta jadual sokongan yang lengkap. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

## 4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1. Piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia ialah Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS). Piawaian MFRS adalah terpakai kepada agensi yang tertakluk di bawah undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969, di mana salah satu fungsi JANM ialah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi negeri bagi tahun kewangan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN**
**OLEH AGENSI NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2020**

| BIL. | PIAWAIAN PERAKAUNAN | BILANGAN AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) | 15 |
| 2. | Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) | 1 |
| 3. | Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) | 0 |
| **JUMLAH** | | **16** |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

## 5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI yang menetapkan sebanyak dua jenis pendapat audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

### 5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan Juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah Juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

#### 5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

#### 5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matter (OM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

#### 5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]

Perenggan Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus. KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

### 5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau Juruaudit menghadapi kekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, Juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer) seperti berikut:

#### 5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

#### 5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

#### 5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Sehingga 31 Ogos 2021, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan tiga daripada 15 penyata kewangan tahun 2020 yang telah diterima untuk diaudit melibatkan dua

penyata kewangan BBN dan satu penyata kewangan PBT. Penyata kewangan BBN terlibat ialah Yayasan Islam Terengganu yang diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran, dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu yang diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran (EOM). Manakala penyata kewangan PBT terlibat ialah Majlis Perbandaran Dungun yang diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran. Selain itu, sebanyak 12 penyata kewangan tahun 2020 masih dalam proses pengauditan. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**
**PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

| BIL. | JENIS PENDAPAT AUDIT | TAHUN KEWANGAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 |
| 1. | Pendapat Tanpa Teguran | 15 | 15 | 15 | 10 | 2 |
| 2. | Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan *Emphasis of Matter/Other Matter* | 1 | 1 | - | 2 | 1 |
| 3. | Pendapat Berteguran | - | - | 1 | 4 | - |
| 4. | Pendapat Bertentangan | - | - | - | - | - |
| 5. | Penafian Pendapat | - | - | - | - | - |
| **JUMLAH** | | **16** | **16** | **16** | **16*** | **3**** |

Sumber : Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2016 hingga 2020
Nota : (*) – Sebanyak 1 pensijilan penyata kewangan agensi negeri tahun 2019 telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 manakala 15 pensijilan lagi dilaporkan dalam LKAN Tahun 2020
(**) – Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak 13 penyata kewangan agensi negeri masih belum dimuktamadkan

5.4. Status pengauditan penyata kewangan bagi kesemua 16 agensi bagi tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**
**STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

| BIL. | AGENSI NEGERI | STATUS PENGAUDITAN |
|---|---|---|
| **BADAN BERKANUN NEGERI** | | |
| 1. | Lembaga Muzium Negeri Terengganu | Selesai |
| 2. | Yayasan Islam Terengganu | Selesai |
| 3. | Majlis Sukan Negeri Terengganu | Dalam proses pengauditan |
| 4. | Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu | Dalam proses pengauditan |
| 5. | Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu | Dalam proses pengauditan |
| 6. | Yayasan Terengganu | Dalam proses pengauditan |
| 7. | Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu | Dalam proses pengauditan |
| 8. | Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu | Belum diterima |
| **PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | |
| 1. | Majlis Perbandaran Dungun | Selesai |

| BIL. | AGENSI NEGERI | STATUS PENGAUDITAN |
|---|---|---|
| 2. | Majlis Bandaraya Kuala Terengganu | Dalam proses pengauditan |
| 3. | Majlis Perbandaran Kemaman | Dalam proses pengauditan |
| 4. | Majlis Daerah Besut | Dalam proses pengauditan |
| 5. | Majlis Daerah Hulu Terengganu | Dalam proses pengauditan |
| 6. | Majlis Daerah Marang | Dalam proses pengauditan |
| 7. | Majlis Daerah Setiu | Dalam proses pengauditan |
| **MAJLIS AGAMA ISLAM** | | |
| 1. | Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu | Dalam proses pengauditan |

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2019

5.5.1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Negeri yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 5 November 2020 hanya melaporkan satu penyata kewangan agensi yang dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara setakat 31 Ogos 2020, iaitu Majlis Daerah Marang (Pendapat Tanpa Teguran). Sebanyak 15 penyata kewangan agensi lain tidak dilaporkan dalam laporan tersebut kerana belum selesai diaudit setakat 31 Ogos 2020.

5.5.2. Sijil Ketua Audit Negara telah dikeluarkan terhadap 15 penyata kewangan tersebut terdiri daripada sembilan Pendapat Tanpa Teguran, dua Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan EOM atau OM dan empat Pendapat Berteguran. Butiran lanjut mengenai Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019 dengan perenggan EOM atau OM dan Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN EOM/OM DAN PENDAPAT BERTEGURAN**

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT |
|---|---|---|
| **PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN EOM** | | |
| 1. | Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) | a. PMINT telah mengenakan peruntukan rosot nilai sejumlah RM7.89 juta pada tahun 2019 terhadap baki lima penghutang yang berjumlah RM41.48 juta yang telah tertunggak melebihi 10 tahun. PMINT sepatutnya mengenakan peruntukan rosot nilai sepenuhnya terhadap baki penghutang tersebut berdasarkan faktor pengusiaan dan faktor berpandangan ke hadapan selaras dengan kehendak MFRS 9. Ini menyebabkan baki penghutang berjumlah RM33.60 juta tidak dibuat peruntukan rosot nilai.<br>b. Baki Tunai dan Kesetaraan Tunai tidak mengambil kira terimaan yang tidak dapat dikenal pasti berjumlah RM2.30 juta yang masih belum disesuaikan antara jumlah terimaan di penyata bank dengan jumlah terimaan di lejar am bank. PMINT sepatutnya mengambil kira jumlah tersebut dalam lejar bank dan merekodkannya sebagai liabiliti terimaan belum dikenal pasti. |

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT |
|---|---|---|
| **PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGGAN OM** | | |
| 1. | Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) | a. PMINT didapati menggunakan kos jualan seunit buah tandan segar daripada invois pengusaha kilang sebagai nilai saksama bagi aset biologi. Ini tidak menepati nilai pengiktirafan yang diperuntukkan dalam MFRS 141 - Aset Biologi.<br>b. PMINT tidak mendedahkan pemakaian MFRS 6 - Cari Gali dan Penilaian Sumber di Nota kepada Penyata Kewangan yang sepatutnya diiktiraf oleh syarikat subsidiari iaitu Permint Minerals Sdn. Bhd. dan Permint Granite Sdn. Bhd.. |
| 2. | Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) | MAIDAM tidak menyatakan nilai Hartanah Pelaburan pada nilai saksama sebagaimana Seksyen 16 Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (MPERS). Ia hendaklah diambil kira sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan mengikut Seksyen 17 MPERS sekiranya ukuran yang pasti nilai saksama bagi Hartanah Pelaburan tersebut tidak boleh didapati tanpa kos atau usaha yang wajar. MAIDAM hendaklah menyatakan perkara ini dalam dasar perakaunan yang diluluskan oleh mesyuarat Ahli Majlis MAIDAM. |
| **PENDAPAT BERTEGURAN** | | |
| 1. | Yayasan Islam Terengganu (YIT) | a. Baki tunai tidak dapat disahkan dan tersalah nyata sejumlah RM8,204,723 kerana baki tunai di penyata penyesuaian berbeza dengan baki tunai di lejar. Kaedah penyediaan penyata penyesuaian bank pihak YIT tidak menggambarkan kedudukan sebenar baki di bank.<br>b. Pelaburan saham tak tersiar harga YIT telah tersalah nyata sejumlah RM33,731,881 kerana tidak mengambil kira jumlah rosot nilai dan nilai pasaran semasa pelaburan.<br>c. Baki awal perolehan tertahan telah terkurang nyata sejumlah RM52,253,418. YIT telah membuat pelarasan tahun lepas tanpa menyatakan semula laporan kewangan bagi tahun sebelumnya dalam penyata kewangan tahun semasa. |
| 2. | Yayasan Terengganu | a. Baki pinjaman pelajaran di Lejar Am Kewangan berbeza dengan baki di Sistem Pelajar yang menyebabkan penghutang terlebih nyata sejumlah RM13,228,949. Isu perbezaan ini disebabkan permasalahan sistem yang tidak berintegrasi di antara Sistem Kewangan dan Sistem Pelajar.<br>b. Pelaburan ke atas syarikat subsidiari iaitu Trefound Properties Sdn. Bhd. tidak dapat disahkan kerana hanya sejumlah RM10,000 modal saham yang dinyatakan pada Penyata Kewangan Trefound Properties Sdn. Bhd. berbanding RM6,550,000 yang dinyatakan pada Penyata Kewangan Yayasan Terengganu.<br>Pihak Yayasan Terengganu telah membuat penghapusan bagi lebihan pelaburan yang berjumlah RM6,540,000 pada Keuntungan Terkumpul (Kumpulan) yang menyebabkan Keuntungan Terkumpul (Kumpulan) terkurang nyata sejumlah RM6,540,000.<br>c. Pelaburan ke atas syarikat bersekutu THP-YT Plantation Sdn. Bhd. telah terlebih nyata sejumlah RM10,049,918 kerana tidak mengambil kira jumlah rosot nilai dan nilai pasaran semasa pelaburan tersebut. |
| 3. | Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) | a. Pendapatan tertunda terlebih nyata sejumlah RM31,051,347 kerana geran yang diterima masih belum dilunaskan ke pendapatan semenjak tahun 2018. Pendapatan tertunda yang direkodkan adalah pemberian Kerajaan negeri dalam bentuk pegangan saham TATI University College Sdn. Bhd. (TATIUC) iaitu anak syarikat LTAWNT berjumlah RM18,000,000 pada tahun 2017 dan bangunan Politeknik Kuala Terengganu serta Perumahan Sementara Petronas, Kerteh yang diterima pada tahun 1999.<br>b. Pendapatan daripada jualan tanah dan bangunan terkurang nyata sejumlah RM17,195,720 kerana tersalah rekod di bawah deposit diterima.<br>c. Pelaburan dalam subsidiari terlebih nyata sejumlah RM53,371,393 kerana tidak mengambil kira jumlah rosot nilai dan nilai pasaran semasa pelaburan bagi Syarikat Duyong Marina Resort Sdn. Bhd., Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad dan TH Bakti Sdn. Bhd.. |
| 4. | Majlis Daerah Setiu | a. Ketepatan baki Buku Tunai tidak dapat disahkan kerana berlaku perbezaan terhadap amaun terimaan dan perbelanjaan yang direkodkan di Buku Tunai dengan amaun di dokumen sokongan. Perbezaan berjumlah RM188,906 direkodkan di bahagian terimaan manakala perbezaan berjumlah RM29,488 direkodkan di bahagian perbelanjaan.<br>b. Terimaan Sumbangan Membantu Kadar berjumlah RM146,581 tidak dikeluarkan resit dan tidak direkodkan dalam Buku Tunai menyebabkan hasil cukai terkurang nyata. |

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT |
|---|---|---|
| | | c. Jumlah terimaan geran daripada kerajaan terlebih nyata sejumlah RM154,201.<br>d. Hartanah terkurang nyata kerana bangunan dengan kos pembinaan berjumlah RM438,696 tidak dipermodalkan.<br>e. 24 unit bangunan yang diterima dari Pejabat Daerah Setiu dengan tempoh usia antara satu hingga 29 tahun telah diiktiraf pada harga kos tanpa ditolak susut nilai terkumpul menyebabkan hartanah terlebih nyata sejumlah RM1,039,120. |

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan enakmen tubuh agensi negeri masing-masing (kecuali Majlis Sukan Negeri Terengganu) dan Majlis Agama Islam telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit beserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), satu salinan penyata kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di DUN.

6.2. Setakat 31 Ogos 2021, penyata kewangan tahun 2019 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara bagi 12 agensi telah dibentangkan di DUN manakala penyata kewangan bagi tiga agensi belum dibentangkan. Bagi Majlis Sukan Negeri Terengganu, undang-undang penubuhannya tidak menetapkan penyata kewangan perlu dibentangkan di DUN. Tarikh pembentangan bagi 15 penyata kewangan agensi tersebut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2019 YANG TELAH DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2021**

| BIL. | AGENSI NEGERI | TARIKH PEMBENTANGAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI |
|---|---|---|
| 1. | Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu | 23.11.2020 |
| 2. | Yayasan Islam Terengganu | 23.11.2020 |
| 3. | Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu | 23.11.2020 |
| 4. | Lembaga Muzium Negeri Terengganu | 23.11.2020 |
| 5. | Yayasan Terengganu | 23.11.2020 |
| 6. | Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu | Belum Dibentang |
| 7. | Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu | Belum Dibentang |
| **PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | |
| 1. | Majlis Bandaraya Kuala Terengganu | 23.11.2020 |
| 2. | Majlis Perbandaran Kemaman | 23.11.2020 |
| 3. | Majlis Perbandaran Dungun | 23.11.2020 |
| 4. | Majlis Daerah Besut | 23.11.2020 |
| 5. | Majlis Daerah Hulu Terengganu | 23.11.2020 |

| BIL. | AGENSI NEGERI | TARIKH PEMBENTANGAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI |
|---|---|---|
| 6. | Majlis Daerah Marang | 23.11.2020 |
| 7. | Majlis Daerah Setiu | 23.11.2020 |
| **MAJLIS AGAMA ISLAM** | | |
| 1. | Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu | Belum Dibentang |

Sumber: Minit Persidangan Kali Ketiga Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Terengganu Keempat Belas Tahun 2020

## 7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan agensi yang dilaporkan setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara adalah merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan pendapatan, aset dan liabiliti. Pada tahun 2021, negara masih berdepan dengan pandemik Covid-19. Keadaan ini telah menjejaskan proses pengesahan penyata kewangan tahun 2020 bagi agensi negeri berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Agensi juga telah diluluskan pelanjutan tempoh oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit. Oleh itu, analisis prestasi kewangan agensi tidak dilaporkan pada kali ini kerana hanya tiga penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara. Baki 12 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan manakala satu penyata kewangan masih belum diterima.

## 8. RUMUSAN AUDIT

Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak 15 daripada 16 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2020 untuk diaudit manakala satu agensi negeri masih belum mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit. Hanya tiga daripada 15 penyata kewangan tahun 2020 yang diterima bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara dan diberi Pendapat Tanpa Teguran kepada Majlis Perbandaran Dungun dan Yayasan Islam Terengganu serta Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan EOM kepada Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

## 9. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi keperluan piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

9.1. agensi negeri perlu memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang ahli Majlis/Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), perakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan, serta dokumen sokongan yang berkaitan;

9.2. agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diguna pakai pada masa kini; dan

9.3. agensi negeri perlu mengambil tindakan proaktif untuk menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

# BAHAGIAN IV

## PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

# BAHAGIAN IV
## PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

### Perkara Utama

**Apa yang diaudit?**

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan/agensi negeri.

- Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

- Pengauditan dilaksanakan terhadap empat jabatan/agensi seperti berikut:

  - pengurusan pembayaran di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Kerajaan Tempatan) [SUK (BKT)];

  - pengurusan aset alih di Jabatan Pertanian Negeri Terengganu (JPNT);

  - pengurusan terimaan dan deposit di Pejabat Perikanan Negeri Terengganu (PPT); dan

  - perolehan secara pembelian terus dan sebut harga di Majlis Daerah Besut (MDB).

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri dijalankan bagi menentukan sama ada:

  - pembayaran di SUK (BKT) dilaksanakan dengan teratur selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa;

  - aset alih di JPNT diuruskan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa;

- terimaan dan deposit di PPT dilaksanakan dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan

- perolehan di MDB telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

**Apa yang ditemui Audit?**

- **Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri**

  - bil elektrik terlebih bayar sejumlah RM133,049.

- **Jabatan Pertanian Negeri Terengganu**

  - mesin *Autoclave* dan Kabinet *Laminar Flow* bernilai RM91,800 tidak digunakan; dan

  - kehilangan aset alih kerajaan bernilai RM55,129.

- **Pejabat Perikanan Negeri Terengganu**

  - hasil lesen tahunan Sistem Kultur Laut tidak dikutip berjumlah RM2,615 bagi tahun 2020; dan

  - deposit bagi permit Sistem Kultur Laut tidak dikutip sejumlah RM45,528 dan terkurang kutip sejumlah RM2,279.

- **Majlis Daerah Besut**

  - perolehan bekalan dan kerja dipecah kecil.

# BAHAGIAN IV
## PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

### 1. PENGENALAN

1.1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap Kementerian/ Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

1.2. Pada tahun 2020, sebanyak empat pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap tiga jabatan dan satu agensi negeri seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN BAGI TAHUN 2020**

| BIL. | TAJUK PEMATUHAN | JABATAN/AGENSI NEGERI |
|---|---|---|
| 1. | Pengurusan Pembayaran | Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri |
| 2. | Pengurusan Aset Alih | Jabatan Pertanian Negeri Terengganu |
| 3. | Pengurusan Terimaan dan Deposit | Pejabat Perikanan Negeri Terengganu |
| 4. | Perolehan Secara Pembelian Terus dan Sebut Harga | Majlis Daerah Besut |

# PENGAUDITAN PEMATUHAN

## BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN
## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- PENGURUSAN PEMBAYARAN

# BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN
# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
## 1. PENGURUSAN PEMBAYARAN

### FAKTA UTAMA

| | |
|---|---|
| B02 | **Peruntukan – RM1.48 Juta**<br>**Perbelanjaan – RM1.34 Juta (90.5%)** |
| B32 | **Peruntukan – RM85.96 Juta**<br>**Perbelanjaan – RM80.48 Juta (93.6%)** |
| P32 | **Peruntukan - RM49.69 Juta**<br>**Perbelanjaan - RM34.69 Juta (69.8%)** |

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Kerajaan Tempatan) [SUK (BKT)] merupakan salah satu Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Tugas utama SUK (BKT) adalah membantu tujuh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri Terengganu untuk mempertingkat kecekapan dalam memberi perkhidmatan yang diperlukan ke arah meningkatkan kualiti hidup penduduk dalam kawasan PBT. Objektif SUK (BKT) adalah antaranya merancang dan menyelaras program pembangunan bagi projek Persekutuan dan negeri dalam kawasan PBT. SUK (BKT) juga bertanggungjawab untuk menggubal, menyelaras, memantau dasar dan peraturan berkaitan PBT serta menyediakan khidmat nasihat dan input teknikal, khasnya mengenai aspek kebersihan, maklumat pelesenan dan pembinaan bangunan kepada semua PBT.

1.2. Bagi tahun 2020, sejumlah RM87.44 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM81.82 juta atau 93.6% telah dibelanjakan. Perbelanjaan pembangunan pula, sejumlah RM49.69 juta telah diperuntukkan dan sejumlah RM34.69 juta atau 69.8% telah dibelanjakan.

### 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada pembayaran telah dibuat dengan teratur selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan di SUK (BKT) dan tujuh PBT terhadap pengurusan pembayaran yang melibatkan 242 baucar bayaran (16.5%) berjumlah RM19.18 juta daripada 1,464 baucar bayaran berjumlah RM78.02 juta pada tahun 2020.

3.2. Kaedah pengauditan meliputi semakan terhadap rekod serta dokumen yang dipilih secara pensampelan menggunakan Audit Command Language (ACL), sesi temu bual dengan pegawai dan pihak ketiga yang terlibat serta pemeriksaan fizikal. Selain itu, analisis data turut dilaksanakan untuk pengesahan dan perbandingan maklumat yang diperoleh.

## 4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara 27 Disember 2020 hingga 17 Januari 2021 dan pemerhatian Audit telah dikeluarkan pada 17 Mac 2021. Maklum balas telah diterima pada 10 April 2021 dan 3 Mei 2021. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 15 April 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

### 4.1. Bil Elektrik Terlebih Bayar Sejumlah RM133,049

Bil elektrik bagi lampu jalan/lampu isyarat PBT diuruskan pembayarannya oleh SUK (BKT). Semakan Audit terhadap 33 baucar bayaran yang disediakan oleh SUK (BKT) bagi bil elektrik bulan Oktober hingga Disember 2020 mendapati perkara seperti berikut:

#### 4.1.1. Kesilapan Pendaftaran Tarif Semasa Pembukaan Akaun TNB Oleh PBT Menyebabkan Bil Elektrik Terlebih Bayar Sejumlah RM115,646

a. Berdasarkan tarif elektrik yang ditetapkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), lampu jalan dikategorikan sebagai tarif G dan dikenakan caj sebanyak RM0.305 bagi setiap kilowatt hour (kWh). Manakala lampu isyarat, lampu limpah, lampu hiasan dan lampu kawasan (tarif G1) dikenakan caj sebanyak RM0.208/kWh. Tarif perdagangan pula (tarif B) dicaj sebanyak RM0.435/kWh bagi 200 kWh pertama dan RM0.509 bagi 201 kWh ke atas.

b. Semakan Audit mendapati SUK (BKT) telah membayar sejumlah RM273,557 bagi 655 bil lampu jalan/lampu isyarat/lampu hiasan PBT berdasarkan tarif perdagangan (tarif B). Keadaan ini menyebabkan **SUK (BKT) telah terlebih bayar sejumlah RM115,646 berbanding jumlah yang sepatutnya iaitu RM157,911** seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**BAYARAN BIL TNB BAGI LAMPU JALAN/LAMPU ISYARAT/ LAMPU HIASAN PBT BULAN OKTOBER HINGGA DISEMBER 2020**

| PBT | BILANGAN BIL | SEPATUT BAYAR (Tarif G & G1) (RM) | TELAH DIBAYAR (Tarif Perdagangan) (RM) | LEBIHAN BAYARAN (RM) |
|---|---|---|---|---|
| **OKTOBER** | | | | |
| MDS | 12 | 1,644 | 2,841 | 1,197 |
| MBKT | 93 | 32,930 | 56,796 | 23,866 |
| MDB | 32 | 6,039 | 9,923 | 3,884 |
| MPD | 48 | 7,101 | 13,353 | 6,252 |
| MDM | 7 | 2,782 | 4,957 | 2,175 |
| MDHT | 22 | 1,025 | 1,851 | 826 |
| **JUMLAH** | **214** | **51,521** | **89,721** | **38,200** |
| **NOVEMBER** | | | | |
| MDS | 11 | 1,661 | 2,916 | 1,255 |
| MBKT | 95 | 32,331 | 55,685 | 23,354 |
| MPK | 6 | 2,391 | 3,915 | 1,524 |
| MDB | 32 | 6,919 | 11,490 | 4,571 |
| MPD | 48 | 5,845 | 11,073 | 5,228 |
| MDM | 7 | 3,179 | 5,668 | 2,489 |
| MDHT | 21 | 1,059 | 1,942 | 883 |
| **JUMLAH** | **220** | **53,385** | **92,689** | **39,304** |
| **DISEMBER** | | | | |
| MDS | 11 | 1,626 | 2,841 | 1,215 |
| MBKT | 96 | 32,258 | 55,291 | 23,033 |
| MPK | 7 | 2,181 | 3,558 | 1,377 |
| MDB | 33 | 6,262 | 10,266 | 4,004 |
| MPD | 48 | 6,057 | 11,367 | 5,310 |
| MDM | 7 | 3,347 | 5,486 | 2,139 |
| MDHT | 19 | 1,274 | 2,338 | 1,064 |
| **JUMLAH** | **221** | **53,005** | **91,147** | **38,142** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **655** | **157,911** | **273,557** | **115,646** |

Sumber: Baucar Bayaran

c. Perkara ini berlaku disebabkan PBT telah membuat kesilapan terhadap penentuan tarif semasa permohonan pembukaan akaun kepada TNB. Selain itu, tiada semakan dibuat oleh pihak SUK (BKT) terhadap tarif bil elektrik yang dicaj oleh pihak TNB.

**Maklum Balas SUK (BKT) yang Diterima Pada 3 Mei 2021**

SUK (BKT) telah mengeluarkan surat tuntutan bagi semakan dan kutipan balik lebihan bayaran serta surat pengecualian surcaj bertarikh 27 April 2021 kepada TNB. Manakala semua PBT telah mengambil tindakan dengan menghantar surat permohonan semakan dan penukaran tarif kepada TNB.

Bermula bulan Januari 2021, YB Pegawai Kewangan Negeri bersetuju supaya pihak PBT membuat semakan dan bayaran bil kepada TNB. Pihak SUK (BKT) akan membuat bayaran balik kepada PBT berdasarkan tuntutan daripada PBT.

**Pernyataan Audit**

**Lebihan bayaran bil elektrik sejumlah RM115,646 kerana kesilapan tarif akan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan negeri jika pelarasan sewajarnya tidak dibuat dengan pihak TNB.**

**4.1.2. Bayaran Bil yang Tidak Melibatkan Akaun Lampu Jalan dan Lampu Isyarat PBT Sejumlah RM17,403**

a. Arahan Perbendaharaan 92(a)(i) menyatakan Pegawai Pengawal bagi sesuatu Maksud Perbelanjaan atau sesuatu Akaun Amanah adalah bertanggungjawab atas betulnya semua perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan Maksud Perbelanjaan atau Akaun Amanah itu.

b. Semakan Audit mendapati bil elektrik yang telah dibayar oleh SUK (BKT) bagi bulan Oktober hingga Disember 2020 adalah juga termasuk bil elektrik bagi akaun premis PBT dan akaun-akaun lain, iaitu pejabat daerah dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Khidmat Pengurusan) yang berjumlah RM17,403. Sepatutnya hanya bil elektrik yang melibatkan lampu jalan dan lampu isyarat PBT sahaja yang layak dibayar oleh SUK (BKT) manakala bil-bil lain bukan di bawah tanggungan SUK (BKT) dan sewajarnya dibayar melalui peruntukan mengurus pejabat masing-masing. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**
**BIL ELEKTRIK BAGI BULAN**
**OKTOBER HINGGA DISEMBER 2020 BAGI PREMIS**
**PBT DAN AKAUN-AKAUN LAIN YANG TELAH DIBAYAR OLEH SUK (BKT)**

| PBT | PREMIS PBT | | AKAUN-AKAUN LAIN* | | JUMLAH KESELURUHAN (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| | BIL. AKAUN | JUMLAH TELAH BAYAR (RM) | BIL. AKAUN | JUMLAH TELAH BAYAR (RM) | |
| **OKTOBER** | | | | | |
| MBKT | 21 | 3,451 | 14 | 2,394 | 5,845 |
| MDB | 0 | 0 | 1 | 31 | 31 |
| MPD | 0 | 0 | 3 | 462 | 462 |
| **JUMLAH** | **21** | **3,451** | **18** | **2,887** | **6,338** |
| **NOVEMBER** | | | | | |
| MBKT | 21 | 3,209 | 12 | 2,281 | 5,490 |
| MDB | 0 | 0 | 1 | 29 | 29 |
| MPD | 0 | 0 | 2 | 14 | 14 |
| **JUMLAH** | **21** | **3,209** | **15** | **2,324** | **5,533** |
| **DISEMBER** | | | | | |
| MBKT | 17 | 2,754 | 14 | 2,295 | 5,049 |
| MDB | 0 | 0 | 1 | 21 | 21 |
| MPD | 0 | 0 | 3 | 462 | 462 |
| **JUMLAH** | **17** | **2,754** | **18** | **2,778** | **5,532** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **9,414** | | **7,989** | **17,403** |

Sumber: Baucar Bayaran
Nota: (*) – Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Khidmat Pengurusan), Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Pejabat Daerah Besut dan Pejabat Daerah Dungun

c. Perkara ini berlaku disebabkan tiada semakan dibuat oleh pihak SUK (BKT) serta tidak memohon jabatan/agensi terlibat membuat pengesahan terhadap bil elektrik yang dikemukakan oleh pihak TNB.

### Maklum Balas SUK (BKT) yang Diterima Pada 3 Mei 2021

Semakan di peringkat SUK (BKT) adalah berdasarkan keputusan mesyuarat pada 16 Disember 2014 yang bersetuju bahawa penghantaran bil sedia ada perlu dihantar terus kepada pihak SUK (BKT) serta tiada lagi semakan di peringkat PBT dan Pejabat Daerah. Pengesahan hanya perlu dibuat jika terdapat akaun baru.

**Pernyataan Audit**

**Bayaran bil elektrik sejumlah RM17,403 untuk jabatan/agensi lain (selain bil elektrik lampu jalan/lampu isyarat PBT) boleh menjejaskan peruntukan mengurus SUK (BKT).**

## 5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pengurusan pembayaran di SUK (BKT) tidak diuruskan dengan teratur. Ini kerana terdapat sejumlah RM133,049 bil elektrik yang terlebih bayar oleh SUK (BKT). Lebihan bayaran ini berlaku disebabkan kesilapan pendaftaran tarif semasa pembukaan akaun oleh PBT dan bayaran bil yang bukan di bawah tanggungan SUK (BKT) masing-masing berjumlah RM115,646 dan RM17,403.

## 6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pematuhan kepada peraturan pembayaran, SUK (BKT) disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

6.1. memastikan PBT membuat pelarasan tarif dengan TNB supaya tarif yang dikenakan adalah betul; dan

6.2. memastikan PBT membuat semakan bil elektrik terlebih dahulu bagi mengelakkan bayaran dibuat untuk pihak ketiga.

# PENGAUDITAN PEMATUHAN

## JABATAN PERTANIAN NEGERI TERENGGANU

- PENGURUSAN ASET ALIH

## FAKTA UTAMA

| **Peruntukan Aset di bawah Belanja Mengurus (B31)** | |
|---|---|
| Tahun 2019 | Peruntukan: RM157,925<br>Perbelanjaan: RM138,239 (87.5%) |
| Tahun 2020 | Peruntukan: RM254,950<br>Perbelanjaan: RM123,482 (48.4%) |
| **Perbelanjaan Pembangunan (P31) - Program Industri Asas Tani** | |
| Tahun 2019 | Peruntukan: RM100,000<br>Perbelanjaan Aset: RM56,155 (56.1%) |
| Tahun 2020 | Peruntukan: RM100,000<br>Perbelanjaan Aset: RM17,500 (17.5%) |

## 1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Pertanian Negeri Terengganu (JPNT) mempunyai sembilan Pusat Tanggungjawab yang merangkumi lapan Pejabat Pertanian Daerah (PPtD) dan Kompleks Pertanian Ajil (KPN Ajil). Program Industri Asas Tani (IAT) diwujudkan untuk membangunkan usahawan di bidang pemprosesan makanan yang menekankan pembangunan dan peningkatan kualiti produk bagi menembusi pasaran global.

1.2. Perolehan aset di JPNT menggunakan peruntukan Perbelanjaan Mengurus dan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan di bawah program Pembangunan Industri Asas Tani. Berdasarkan Laporan Kedudukan Semasa Aset Alih sehingga 31 Disember 2020, nilai pegangan aset alih JPNT adalah RM2.87 juta yang melibatkan 1,782 unit aset.

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada aset alih JPNT telah diurus dengan teratur selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan di Ibu Pejabat JPNT, KPN Ajil, PPtD Setiu dan PPtD Besut meliputi pengurusan aset alih. Semakan dibuat terhadap aset tahun 2020 dan juga aset bernilai tinggi bagi tahun-tahun sebelumnya. Jumlah sampel diaudit adalah sebanyak 79 aset bernilai RM284,427 yang dipilih secara rawak. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap aset di bawah Program Industri Asas Tani dari tahun 2018 hingga 2020 yang melibatkan 39 aset bernilai RM41,730.

3.2. Kaedah pengauditan meliputi semakan terhadap rekod dan dokumen berkaitan aset. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dijalankan.

## 4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara tarikh 6 Disember 2020 hingga 10 Januari 2021 dan Pemerhatian Audit telah dikeluarkan pada 29 Mac 2021. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 2 Jun 2021 dan maklum balas daripada JPNT telah diterima pada 14 Jun 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

### 4.1. Mesin *Autoclave* dan Kabinet *Laminar Flow* Bernilai RM91,800 Tidak Digunakan

4.1.1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM2.4, perenggan 1, menyatakan aset alih hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM2.5, perenggan 4.4 pula menyatakan Pegawai Aset bertanggungjawab untuk melaksanakan penyelenggaraan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan merekodkan penyelenggaraan tersebut.

4.1.2. Pada tahun 2008, JPNT telah membuat perolehan enam jenis aset iaitu tiga unit mesin *Autoclave* dan tiga unit kabinet *Laminar Flow* berjumlah RM91,800. Tujuan perolehan aset ini adalah untuk projek tisu kultur pisang. Aset tersebut telah ditempatkan di Makmal Tisu Kultur KPN Ajil, Kuala Berang yang diuruskan oleh kontraktor yang dilantik untuk mengendalikan projek tersebut. Semakan Audit mendapati. Semakan Audit mendapati **enam aset tersebut tidak digunakan sejak tahun 2015.** Kesemua aset tersebut juga tidak didaftarkan dalam Senarai

Aset Alih yang Memerlukan Penyelenggaraan (KEW.PA-14). Penyelenggaraan terakhir dibuat antara tahun 2015 hingga 2018. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1** dan **Gambar 1 hingga 6**.

**JADUAL 1**
**ASET YANG TIDAK DIGUNAKAN**

| BIL. | JENIS ASET | NO. PENDAFTARAN | NILAI (RM) | GAMBAR |
|---|---|---|---|---|
| 1. | *Autoclave* Model HVE 50 | JP/TRG207(N)/KPN/H08/23 | 18,500 | 1 |
| 2. | *Autoclave* Model HVE 50 | JP/TRG207(N)/KPN/H08/24 | 18,500 | 2 |
| 3. | *Autoclave* Model HVE 50 | JP/TRG207(N)/KPN/H08/25 | 18,500 | 3 |
| 4. | *Laminar Flow Cabinet* 4FT | JP/TRG207(N)/KPN/H08/26 | 12,100 | 4 |
| 5. | *Laminar Flow Cabinet* 4FT | JP/TRG207(N)/KPN/H08/27 | 12,100 | 5 |
| 6. | *Laminar Flow Cabinet* 4FT | JP/TRG207(N)/KPN/H08/28 | 12,100 | 6 |
| **JUMLAH** | | | **91,800** | |

Sumber: Daftar Harta Modal (KEW.PA-2)

**GAMBAR 1**



Makmal Tisu Kultur KPN Ajil
- *Autoclave Model HVE* Tidak Digunakan
(22.12.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**



Makmal Tisu Kultur KPN Ajil
- *Autoclave Model HVE* Tidak Digunakan
(22.12.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



Makmal Tisu Kultur KPN Ajil
- *Autoclave Model HVE* Tidak Digunakan
(22.12.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**



Makmal Tisu Kultur KPN Ajil
- *Laminar Flow Cabinet 4FT* Tidak Digunakan
(22.12.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 5**



Makmal Tisu Kultur KPN Ajil
- *Laminar Flow Cabinet 4FT* Tidak Digunakan
(22.12.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 6**



Makmal Tisu Kultur KPN Ajil
- *Laminar Flow Cabinet 4FT* Tidak Digunakan
(22.12.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

4.1.3. Mesin *Autoclave* dan kabinet *Laminar Flow* tidak digunakan setelah kontraktor yang dilantik untuk mengendalikan projek tersebut mengalami masalah dan tidak disambung kontrak sejak tahun 2015. Selain itu, KPN Ajil tiada tenaga pakar bagi mengendalikan makmal tersebut menyebabkan aset-aset di dalamnya tidak digunakan. Pihak JPNT juga didapati tiada perancangan untuk menggunakan makmal tersebut atau memindahkan mesin *Autoclave* dan kabinet *Laminar Flow* bagi kegunaan makmal lain.

**Maklum Balas JPNT yang Diterima Pada 14 Jun 2021**

KPN Ajil akan mengemukakan kertas cadangan pengoperasian semula Makmal Tisu Kultur kepada Bahagian Perancangan JPNT untuk pertimbangan pentadbiran Kerajaan Negeri dari segi peruntukan dan tenaga kerja. Aset tersebut telah dikemas kini dalam Senarai Aset Alih Yang Memerlukan Penyelenggaraan (KEW.PA-14).

| | |
|---|---|
| **Pernyataan Audit** | **Aset jabatan yang tidak digunakan secara optimum dan diselenggarakan mengikut jadual memberi kesan kepada jangka hayat aset tersebut yang menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.** |

### 4.2. Kehilangan Aset Alih Kerajaan Bernilai RM55,129

4.2.1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM2.8, perenggan 4.1.2 menyatakan Ketua Jabatan atau pegawai bertanggungjawab ke atas kehilangan atau yang menjaga Aset Alih atau yang mengetahui kehilangan berlaku, hendaklah membuat

Laporan Polis dengan seberapa segera, tidak lewat dari 24 jam dari masa kehilangan telah diketahui jika ia ada alasan mempercayai kesalahan jenayah telah dilakukan berhubung dengan kehilangan itu.

4.2.2. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM2.4, perenggan 6.4 menghendaki pemeriksaan ke atas semua aset alih dijalankan secara 100% dan pemeriksaan boleh dilaksanakan sepanjang tahun pada tahun semasa secara berperingkat.

4.2.3. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap aset alih di KPN Ajil, PPtD Setiu dan PPtD Besut antara 22 Disember 2020 hingga 6 Januari 2021 mendapati **30 jenis aset bernilai RM55,129 telah hilang namun tiada laporan polis dibuat terhadap kehilangan tersebut.** Maklumat lanjut aset yang hilang seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**
**ASET ALIH HILANG YANG TIDAK DIBUAT LAPORAN POLIS**

| BIL. | TAHUN PEROLEHAN | JENIS ASET | UNIT | NILAI (RM) |
|---|---|---|---|---|
| **KPN AJIL** | | | | |
| 1. | 2010 | Komputer HP PRO 3000 | 1 | 2,976 |
| 2. | 2006 | Kamera Video | 1 | 2,999 |
| 3. | 2005 | Kamera Digital Sony Cyber-Shot DSC-590 | 1 | 1,199 |
| **PPtD SETIU** | | | | |
| 1. | 2009 | *Cyberscan Pc 10 Meter Ph* | 1 | 2,855 |
| 2. | 2014 | *Filling Tank* | 1 | 800 |
| 3. | 2014 | *Multi Purpose Cooker* | 1 | 3,800 |
| 4. | 2013 | *Chill Grinder* | 1 | 1,860 |
| 5. | 2013 | *Chill Beaker* | 1 | 900 |
| **PPtD BESUT** | | | | |
| 1. | 2010 | *Forging Machine*/ Model KA 350 | 3 | 10,500 |
| 2. | 2010 | *Knapsack Sprayer*/ Model F 769 | 8 | 10,240 |
| 3. | 2010 | Pam Air lektrik | 7 | 9,100 |
| 4. | 2007 | Komputer (ACER – Aspire) | 1 | 2,800 |
| 5. | 2011 | Gas Oven YXY 40 | 1 | 2,500 |
| 6. | 2011 | *Baker Dough* DR12 | 1 | 800 |
| 7. | 2011 | *Freezer* 450L | 1 | 1,800 |
| **JUMLAH** | | | **30** | **55,129** |

Sumber: Daftar Harta Modal (KEW.PA-2)

4.2.4. Kehilangan aset tersebut berlaku disebabkan pemeriksaan aset tidak dilaksanakan setiap tahun. Pemeriksaan aset terakhir di KPN Ajil adalah pada tahun

2016 dan PPtD Besut pada tahun 2017. Bagaimanapun, didapati pemeriksaan aset di PPtD Setiu telah dilaksanakan pada tahun 2020.

**Maklum Balas JPNT yang Diterima Pada 14 Jun 2021**

Kesemua 30 aset yang didapati hilang semasa pemeriksaan fizikal Audit telah dibuat laporan polis dan laporan awal oleh KPN Ajil, PPtD Besut dan PPtD Setiu. JPNT dalam proses melantik Jawatankuasa Penyiasat Kehilangan Aset Alih. Selain itu, JPNT akan memberi tumpuan dan latihan kepada kakitangan dalam pengurusan aset.

Pemeriksaan aset tahunan tidak berjaya diadakan secara menyeluruh disebabkan oleh kekurangan kakitangan terlatih dalam pengurusan aset serta perubahan suasana kerja disebabkan oleh pandemik Covid-19. Pihak JPNT telah mula melatih kakitangan bermula Oktober 2020 dan menyelaras struktur pengurusan aset yang baru.

**Pernyataan Audit** | **Kehilangan aset jabatan tanpa disedari sejak tahun 2005 menggambarkan kelemahan kawalan dalaman terhadap aset oleh JPNT. Kehilangan aset ini merupakan kerugian kepada Kerajaan.**

## 5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan pengurusan aset alih tidak diuruskan dengan teratur. Ini kerana berlaku pembaziran terhadap enam jenis aset iaitu tiga mesin *Autoclave* dan tiga Kabinet *Laminar Flow* yang telah dibuat perolehan berjumlah RM91,800 tetapi tidak digunakan sejak tahun 2015. Selain itu, berlaku kehilangan aset bernilai RM55,129 dari senarai aset alih tanpa dibuat laporan polis.

## 6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan aset alih dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuat kuasa, JPNT perlu menambah baik dan mengambil tindakan seperti berikut:

6.1. memastikan mesin *Autoclave* dan kabinet *Laminar Flow* digunakan; dan

6.2. mengambil tindakan tegas terhadap pegawai yang telah terbukti cuai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

# PENGAUDITAN PEMATUHAN

## PEJABAT PERIKANAN NEGERI TERENGGANU

- PENGURUSAN TERIMAAN DAN DEPOSIT

# PEJABAT PERIKANAN NEGERI TERENGGANU

## 3. PENGURUSAN TERIMAAN DAN DEPOSIT

### FAKTA UTAMA

| | |
|---|---|
| Jenis Terimaan | Bayaran lesen perahu, lesen alat menangkap ikan dan patil perahu |
| Jenis Deposit | Deposit untuk pukat tunda dan pukat jerut |

### 1. LATAR BELAKANG

Pejabat Perikanan Negeri Terengganu (PPT) menerima hasil bagi tujuan pengurusan perikanan terdiri daripada lesen perahu, lesen alat menangkap ikan dan patil perahu. Selain itu, PPT juga mengenakan deposit untuk pukat tunda dan pukat jerut. Cawangan Perikanan Tangkapan dan Pelesenan bertanggungjawab terhadap kutipan hasil dan deposit. Pada tahun 2020, jumlah terimaan yang direkodkan adalah RM289,513 manakala deposit yang diterima berjumlah RM10,250.

### 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada pengurusan terimaan dan deposit telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan undang-undang serta peraturan yang berkuat kuasa.

### 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan di PPT, Pejabat Perikanan Daerah (PPD) Marang, Besut dan Setiu terhadap pematuhan pengurusan terimaan dan deposit bagi tahun 2020. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 389 (34.4%) sampel resit berjumlah RM112,693 daripada keseluruhan 1,131 resit berjumlah RM155,664 pada tahun 2020.

3.2. Kaedah pengauditan meliputi semakan terhadap rekod dan dokumen berkaitan dengan pengurusan terimaan dan deposit. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat turut dijalankan.

## 4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara 16 Mac hingga 13 April 2021 dan Pemerhatian Audit telah dikeluarkan pada 25 Mei 2021. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 2 Jun 2021 dan maklum balas daripada PPT telah diterima pada 14 Jun 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

### 4.1. Hasil Lesen Tahunan Sistem Kultur Laut Tidak Dikutip Berjumlah RM2,615 Bagi Tahun 2020

4.1.1. Peraturan 8 kepada Peraturan-Peraturan Perikanan (Sistem Kultur Laut) 1990 menetapkan pemegang permit hendaklah membayar lesen tahunan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat bagi mengendalikan Sistem Kultur Laut (SKL). Kadar lesen ialah RM10 setahun bagi setiap sistem kultur yang meliputi kawasan permukaan air seluas 200 meter persegi ($m^2$) atau kurang. Selain itu, tambahan lesen RM5 setahun dikenakan bagi setiap tambahan kawasan permukaan air seluas 100$m^2$ atau sebahagian daripadanya.

4.1.2. Semakan Audit terhadap rekod penternak dalam sistem eAkuakultur mendapati sebanyak 134 penternak telah memasang dan mengendalikan SKL di daerah Marang, Besut dan Setiu. Bagaimanapun, **PPT tidak mengutip hasil lesen tahunan daripada penternak di tiga daerah tersebut berdasarkan Peraturan-Peraturan Perikanan SKL sejak tahun 1990.** Berdasarkan pengiraan Audit, hasil lesen mengikut keluasan sangkar bagi tahun 2020 yang berjumlah RM2,615 tidak dikutip daripada penternak di PPD Marang, Besut dan Setiu seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**HASIL LESEN SKL BAGI TAHUN 2020 TIDAK DIKUTIP DARIPADA PENTERNAK**

| PEJABAT PERIKANAN DAERAH | BILANGAN PENTERNAK | KELUASAN SKL ($m^2$) | BAYARAN LESEN SETAHUN | | JUMLAH BAYARAN LESEN SETAHUN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | RM10 BAGI KELUASAN 200$m^2$ ATAU KURANG | RM5 BAGI SETIAP TAMBAHAN KELUASAN 100$m^2$ | |
| | | | (RM) | (RM) | (RM) |
| Marang | 27 | 10,967 | 270 | 270 | 540 |
| Besut | 21 | 6,662 | 210 | 105 | 315 |
| Setiu | 86 | 33,431 | 860 | 900 | 1,760 |
| **JUMLAH** | **134** | **51,060** | **1,340** | **1,275** | **2,615** |

Sumber: Data Penternak Dalam Sistem eAkuakultur
Nota: $m^2$ - meter persegi

4.1.3. Perkara ini berlaku disebabkan kod hasil tidak diwujudkan dalam Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) untuk mengakaunkan terimaan bayaran lesen SKL.

**Maklum Balas PPT yang Diterima Pada 14 Jun 2021**

PPT telah mengambil tindakan dengan menghantar surat kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu pada 27 April 2021 bagi memohon kod akaun lesen SKL. PPT juga telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 9 Jun 2021 kepada semua Ketua Pejabat Perikanan Daerah dan notis am/pemberitahuan kepada semua daerah supaya melaksanakan arahan di bawah Peraturan-peraturan Perikanan (SKL) sebagaimana Akta Perikanan 1985.

Proses kutipan lesen ini dijangka akan selesai dalam tempoh tiga bulan bagi pengusaha yang telah mempunyai dokumen pemilikan tapak yang sah iaitu Lesen Menduduki Sementara (LMS) tetapi tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Manakala pengusaha yang belum mempunyai LMS akan mengambil masa yang lebih lama bergantung kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab.

| **Pernyataan Audit** | **Lesen SKL yang tidak dikutip menyebabkan kehilangan hasil Kerajaan.** |
|---|---|

**4.2. Deposit Permit Sistem Kultur Laut Tidak Dikutip Berjumlah RM45,528 dan Terkurang Kutip Berjumlah RM2,279**

4.2.1. Peraturan 5 kepada Peraturan-Peraturan Perikanan (SKL) 1990 menetapkan pemohon hendaklah membayar deposit seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua sebelum permit bagi memasang SKL dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perikanan. Kadar deposit ialah RM1 semeter persegi permukaan air bagi setiap sistem kultur.

4.2.2. Semakan Audit mendapati **PPT tidak mengutip deposit permit sejak tahun 2018.** Semakan lanjut terhadap data penternak dalam sistem eAkuakultur sehingga Disember 2020 mendapati 125 penternak telah memasang dan mengendalikan SKL di daerah Marang, Besut dan Setiu. **Berdasarkan**

**pengiraan Audit, sejumlah RM45,528 deposit permit tidak dikutip daripada penternak tersebut.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**
**DEPOSIT PERMIT SKL TIDAK DIKUTIP**

| PEJABAT PERIKANAN DAERAH | BILANGAN PENTERNAK | KELUASAN SKL ($m^2$) | DEPOSIT RM1 SEMETER PERSEGI PERMUKAAN AIR (RM) |
|---|---|---|---|
| Marang | 25 | 8,872 | 8,872 |
| Besut | 21 | 6,662 | 6,662 |
| Setiu | 79 | 29,994 | 29,994 |
| **JUMLAH** | **125** | **45,528** | **45,528** |

Sumber: Data Penternak Dalam Sistem eAkuakultur
Nota: $m^2$ - meter persegi

4.2.3. Semakan Audit terhadap Lejar Kecil (Kew.28) dan Senarai Baki Pendeposit mendapati **deposit terkurang kutip berjumlah RM2,279 daripada dua penternak di daerah Marang dan enam penternak di daerah Setiu** seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**
**DEPOSIT TERKURANG KUTIP**

| PEJABAT PERIKANAN DAERAH | BILANGAN PENTERNAK | KELUASAN SKL ($m^2$) | DEPOSIT DIKUTIP (RM) | DEPOSIT SEPATUT DIKUTIP $m^2$ x RM1 (RM) | TERKURANG KUTIP (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| Marang | 2 | 2,095 | 1,599 | 2,095 | (496) |
| Setiu | 6 | 3,214 | 1,431 | 3,214 | (1,783) |
| **JUMLAH** | | **5,309** | **3,030** | **5,309** | **(2,279)** |

Sumber: Sistem eAkuakultur, Lejar Kecil (Kew.28) dan Senarai Baki Pendeposit
Nota: $m^2$ - meter persegi

4.2.4. Perkara ini berlaku disebabkan tiada pemantauan dijalankan terhadap kutipan hasil deposit dan perkara ini juga tidak dibincangkan dalam mana-mana mesyuarat. Selain itu, *Standard Operating Procedures* SKL yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Akuakultur, Ibu Pejabat Perikanan Putrajaya masih di peringkat draf sejak tahun 2019. SOP tersebut disediakan bagi tujuan penyeragaman operasi di seluruh negara.

**Maklum Balas PPT yang Diterima Pada 14 Jun 2021**

PPT telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat arahan bertarikh 3 Jun 2021 kepada Ketua Daerah Perikanan (KDP) Marang, Setiu dan Besut supaya mengutip

deposit daripada pengusaha yang berkenaan dengan kadar segera menggunakan kod akaun yang baharu dalam Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) iaitu L1112127. Tindakan selanjutnya telah diambil oleh KDP Marang, Setiu dan Besut dengan menghantar surat bertarikh 9 Jun 2021 kepada pengusaha terlibat untuk membayar deposit.

| | |
|---|---|
| **Pernyataan Audit** | **Deposit yang tidak dikutip menyebabkan kekurangan hasil Kerajaan dan mencerminkan keadaan di mana kepentingan Kerajaan tidak dilindungi.** |

## 5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan pengurusan terimaan dan deposit tidak dilaksanakan dengan teratur. Ini kerana terdapat hasil berjumlah RM2,615 yang tidak dikutip untuk lesen tahunan SKL bagi tahun 2020 disebabkan kod hasil bagi terimaan bayaran lesen SKL tidak diwujudkan dalam SPEKS. Selain itu, PPT tidak mengutip sejumlah RM45,528 deposit permit manakala sejumlah RM2,279 deposit pula terkurang kutip daripada penternak. Perkara ini berlaku kerana kelemahan pemantauan oleh penyelia.

## 6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan terimaan dan deposit serta mengelak kelemahan sama berulang pada masa hadapan, PPT dan PPD disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

6.1. memastikan bayaran lesen dan deposit dikutip mengikut kadar yang ditetapkan dalam undang-undang serta peraturan bagi mengelakkan ketirisan hasil Kerajaan; dan

6.2. mengambil tindakan tegas terhadap pegawai yang telah terbukti cuai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

# PENGAUDITAN PEMATUHAN

## MAJLIS DAERAH BESUT

- PEROLEHAN SECARA PEMBELIAN TERUS DAN SEBUT HARGA

### FAKTA UTAMA

| | |
|---|---|
| Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan bagi tahun 2020 | Peruntukan : **RM3.68 Juta**<br>Perbelanjaan : **RM2.23 Juta (60.6%)** |
| Perbelanjaan aset bagi tahun 2020 | Peruntukan : **RM2.10 Juta**<br>Perbelanjaan : **RM0.76 Juta (36.2%)** |

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Majlis Daerah Besut (MDB) ditubuhkan pada 1 Januari 1981 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bagi menggantikan Bandaran Besut dan Majlis Mesyuarat Tempatan Besut. Kawasan Pentadbiran MDB adalah seluas 123,368 hektar yang terdiri daripada tiga bandar utama iaitu Jerteh, Kampung Raja dan Kuala Besut serta empat pusat penempatan iaitu Pasir Akar, Jabi, Apal dan Alor Lintah.

1.2. Bagi kod Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, MDB telah membelanjakan sejumlah RM2.23 juta (60.6%) daripada RM3.68 juta yang diperuntukkan pada tahun 2020, dan sejumlah RM2.58 juta (72.7%) daripada RM3.55 juta yang diperuntukkan pada tahun 2019. Bagi kod Perbelanjaan Aset pula, sejumlah RM0.76 juta atau 36.2% (2020) dan RM1.35 juta atau 57.4% (2019) telah dibelanjakan berbanding RM2.10 juta (2020) dan RM2.35 juta (2019) yang diperuntukkan.

### 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada perolehan telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

### 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan di MDB terhadap perolehan secara pembelian terus dan sebut harga bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja bagi tahun 2020. Semakan Audit telah dibuat terhadap 283 (25.1%) sampel baucar bayaran berjumlah RM1.22 juta

daripada keseluruhan 1,128 baucar bayaran. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**BILANGAN SAMPEL BAUCAR BAYARAN MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN**

| JENIS PERBELANJAAN | BIL. BAUCAR BAYARAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| Bekalan dan Bahan-bahan Lain | 115 | 282,683 |
| Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil | 49 | 246,773 |
| Bangunan dan Pembaikan Bangunan | 18 | 86,664 |
| Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan | 77 | 361,337 |
| Harta Modal yang Lain | 24 | 240,765 |
| **JUMLAH** | **283** | **1,218,222** |

Sumber: Baucar Bayaran MDB

3.2. Kaedah pengauditan meliputi semakan terhadap fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan perolehan. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat turut dilakukan.

## 4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Januari hingga Mac 2021. Maklum balas MDB telah diterima pada 14 April 2021 dan Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 30 Mei 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

### 4.1. Perolehan Bekalan dan Kerja Dipecah Kecil

4.1.1. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 – Kaedah Perolehan Kerajaan, perolehan setiap jenis item bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah melebihi RM20,000 sehingga RM500,000 setahun dan perolehan kerja yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dibuat secara sebut harga. Agensi dilarang memecahkecilkan perolehan tahunan bagi mengelakkan daripada pelawaan secara sebut harga.

4.1.2. Semakan Audit mendapati **perolehan bagi tiga jenis item bekalan iaitu peralatan elektronik, toner dan lampu limpah melebihi RM20,000 setahun telah dipecah kecil dan dibuat secara pembelian terus.** Perolehan juga dibuat melalui satu pembekal sahaja bagi setiap jenis item.

Butiran lanjut berkenaan perolehan bekalan yang dibuat pecah kecil adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**
**PECAH KECIL PEROLEHAN BAGI TIGA JENIS ITEM BEKALAN PADA TAHUN 2020**

| BIL. | PESANAN KERAJAAN | | BAUCAR BAYARAN | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | NOMBOR | TARIKH | NOMBOR | TARIKH | PERIHAL | AMAUN (RM) |
| **PERALATAN ELEKTRONIK** | | | | | | |
| 1. | A000208 | - | A001432/2020 | 18.10.2020 | Membekal 3 unit pencetak | 1,887 |
| 2. | A000415 | 22.09.2020 | A001474/2020 | 18.10.2020 | Membekal 5 set komputer | 15,495 |
| 3. | A000416 | 22.09.2020 | A001475/2020 | 18.10.2020 | Membekal 10 unit pencetak | 6,290 |
| 4. | A000475 | 14.10.2020 | A001680/2020 | 17.11.2020 | Membekal 2 unit komputer untuk kaunter bergerak | 5,198 |
| 5. | A000479 | 15.10.2020 | A001753/2020 | 24.11.2020 | Membekal 1 unit komputer | 1,999 |
| **JUMLAH PEROLEHAN PERALATAN ELEKTRONIK** | | | | | | **30,869** |
| **TONER** | | | | | | |
| 1. | A000116 | 21.04.2020 | A000574/2020 | 05.05.2020 | Membekal toner | 2,880 |
| 2. | A000118 | 21.04.2020 | A000576/2020 | 05.05.2020 | | 1,740 |
| 3. | A000120 | 21.04.2020 | A000578/2020 | 05.05.2020 | | 3,680 |
| 4. | A000122 | 21.04.2020 | A000579/2020 | 05.05.2020 | | 2,227 |
| 5. | A000117 | 21.04.2020 | A000628/2020 | 14.05.2020 | | 2,880 |
| 6. | A000121 | 21.04.2020 | A000629/2020 | 14.05.2020 | | 3,680 |
| 7. | A000209 | 08.07.2020 | A000964/2020 | 26.07.2020 | | 3,546 |
| 8. | A000210 | 08.07.2020 | A000965/2020 | 26.07.2020 | | 4,815 |
| 9. | A000211 | 08.07.2020 | A000966/2020 | 26.07.2020 | | 3,680 |
| 10. | A000212 | 08.07.2020 | A000967/2020 | 26.07.2020 | | 3,580 |
| 11. | A000290 | 19.07.2020 | A001434/2020 | 18.10.2020 | | 2,880 |
| 12. | A000383 | 14.09.2020 | A001471/2020 | 18.10.2020 | | 2,880 |
| 13. | A000384 | 14.09.2020 | A001472/2020 | 18.10.2020 | | 3,680 |
| 14. | A000476 | 14.10.2020 | A001681/2020 | 17.11.2020 | | 3,890 |
| 15. | A000480 | 15.10.2020 | A001684/2020 | 17.11.2020 | | 8,025 |
| 16. | A000561 | 23.11.2020 | A001834/2020 | 03.12.2020 | | 3,080 |
| 17. | A000562 | 23.11.2020 | A001835/2020 | 03.12.2020 | | 1,490 |
| 18. | A000563 | 23.11.2020 | A001836/2020 | 03.12.2020 | | 3,880 |
| **JUMLAH PEROLEHAN TONER** | | | | | | **62,513** |
| **LAMPU LIMPAH** | | | | | | |
| 1. | A000234 | 13.07.2020 | A001007/2020 | 28.07.2020 | Membekal dan memasang lampu limpah jenis *Light Emitting Diod* (LED) | 12,300 |
| 2. | A000236 | 13.07.2020 | A001008/2020 | 28.07.2020 | | 8,200 |
| 3. | A000235 | 13.07.2020 | A001009/2020 | 28.07.2020 | | 13,800 |
| 4. | A000516 | 08.11.2020 | A001760/2020 | 24.11.2020 | | 16,290 |
| 5. | A000595 | 25.11.2020 | A001858/2020 | 07.12.2020 | | 19,990 |
| 6. | A000529 | 12.11.2020 | A001947/2020 | 13.12.2020 | | 18,100 |
| 7. | A000580 | 23.11.2020 | A001950/2020 | 13.12.2020 | | 7,240 |
| **JUMLAH PEROLEHAN LAMPU LIMPAH** | | | | | | **95,920** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | | | | **189,302** |

Sumber: Baucar Bayaran MDB

4.1.3. Semakan lanjut terhadap perolehan lampu limpah mendapati proses mendapatkan pembekal semasa kajian pasaran adalah meragukan dari aspek hubungan antara pembekal-pembekal tersebut. Perkara ini berdasarkan alamat kediaman pemilik syarikat yang sama seperti yang tertera dalam sistem MyData Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) walaupun nama syarikat adalah berlainan.

4.1.4. Selain itu, terdapat **satu perolehan kerja yang berjumlah melebihi RM20,000 telah dipecah kecil dan dibuat secara lantikan terus kepada tiga kontraktor** seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**
**PECAH KECIL PEROLEHAN KERJA BAGI TAHUN 2019**

| BIL. | INDEN KERJA | | BAUCAR BAYARAN | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | NOMBOR | TARIKH | NOMBOR | TARIKH | PERIHAL | AMAUN (RM) |
| 1. | MDB.03/217/19 | 04.11.2019 | A000571/2020 | 04.05.2020 | Menyenggara dan membaik pulih wakaf no.3 serta kerja berkaitan di kawasan peranginan Pantai Air Tawar. | 20,000 |
| 2. | MDB.03/218/19 | 04.11.2019 | A000572/2020 | 04.05.2020 | Menyenggara dan membaik pulih wakaf no. 2 serta kerja berkaitan di kawasan peranginan Pantai Air Tawar. | 20,000 |
| 3. | MDB.03/219/19 | 04.11.2019 | A000573/2020 | 04.05.2020 | Menyenggara dan membaik pulih wakaf no.1 serta kerja berkaitan di kawasan peranginan Pantai Air Tawar. | 20,000 |
| **JUMLAH** | | | | | | **60,000** |

Sumber: Baucar Bayaran MDB

4.1.5. Perolehan bagi bekalan dan kerja tersebut dipecah kecil kerana MDB tidak membuat perancangan perolehan secara terperinci serta pegawai yang menguruskan perolehan kurang kefahaman berkenaan peraturan perolehan yang berkuat kuasa. Perolehan yang tidak dibuat secara sebut harga ini menyebabkan MDB tidak mendapat harga yang kompetitif kerana bilangan pembekal yang menyertai perolehan adalah terhad.

**Maklum Balas MDB yang Diterima Pada 14 April 2021**

Perolehan peralatan elektronik dan toner dibuat berdasarkan permohonan mengikut keperluan semasa setiap unit/bahagian bagi mengelakkan daripada berlaku kerosakan

sekiranya dibeli secara pukal dan disimpan lama sebelum digunakan. Jumlah pembekal yang terhad di daerah Besut turut menyukarkan pihak MDB untuk mendapatkan sebut harga daripada pembekal yang lain. Bagi lampu limpah, perolehan dibuat berdasarkan aduan kerosakan yang diterima dari semasa ke semasa mengikut lokasi dan jenis kerosakan yang berlaku serta spesifikasi lampu limpah yang digunakan. Perolehan perlu dibuat dalam kadar segera disebabkan risiko keselamatan serta tekanan dan rungutan daripada penduduk setempat.

Manakala bagi kerja menyenggara dan membaik pulih kemudahan awam, perolehan dibuat secara lantikan terus kerana kerja tersebut perlu dilaksanakan dalam kadar segera bagi mengelakkan daripada berlaku kemudaratan kepada orang ramai.

Pihak MDB dalam tindakan untuk melantik panel pembekal bagi perolehan peralatan elektronik, toner dan barang elektrik seperti lampu limpah. Pemilihan panel pembekal tersebut akan dibuat melalui kaedah sebut harga.

| **Pernyataan Audit** | **Perolehan bekalan dan kerja yang dipecah kecil menyebabkan MDB kehilangan peluang untuk mendapat tawaran harga yang kompetitif dan menguntungkan.** |
|---|---|

## 5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan perolehan bekalan dan kerja tidak diuruskan dengan teratur. Ini kerana terdapat perolehan bekalan dan kerja yang dipecah kecil bagi tahun 2019 dan 2020. Perkara ini berlaku kerana tiada perancangan perolehan dibuat mengakibatkan MDB tidak mendapat harga yang kompetitif.

## 6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, MDB disyorkan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

6.1. merancang perolehan tahunan secara terperinci bagi mengelakkan berlaku perolehan secara pecah kecil;

6.2. membuat perolehan secara kontrak bagi pembekalan berdasarkan keperluan;

6.3. memastikan kajian pasaran dinilai dengan teliti bagi mengelakkan berlaku pakatan harga daripada syarikat yang sama dan tidak menguntungkan MDB serta memastikan proses perolehan dibuat dengan telus dan adil; dan

6.4. mengenakan tindakan yang sewajarnya terhadap pegawai yang telah terbukti cuai dan tidak mematuhi peraturan kewangan.

# BAHAGIAN V

## PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

# BAHAGIAN V

## PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

### 1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri serta LKAN Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2018 Siri 3 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 23 November 2020.

### 2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Bagi tempoh 1 Mei 2020 sehingga 30 Jun 2021, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri tidak mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN Negeri Terengganu.

# PENUTUP

# PENUTUP

Secara umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2020 adalah baik. Penyerahan penyata kewangan agensi negeri juga baik kerana telah dapat dikemukakan dalam tempoh yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 berada di tahap stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM466.20 juta masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan negeri. Prestasi kewangan jabatan/agensi negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

a. Kerajaan negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.

b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.

c. Setiap jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkat penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan pemantauan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.

e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya serta menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. Selain itu, UAD perlu membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara**
**Malaysia**

**Putrajaya**

**22 November 2021**

# LAMPIRAN

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kerajaan Negeri Terengganu, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 20.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Terengganu dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions.*

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Terengganu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting).* Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Terengganu untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

2/4

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Terengganu.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Terengganu sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

**Hal-hal Lain**

Kerajaan Negeri Terengganu hendaklah memastikan pengurusan terimaan dan bayaran dilaksanakan dengan lebih teratur terutama bagi perkara berikut:

a. Penyata penyesuaian bank perlu disediakan secara berkala, disemak dan mengambil tindakan terhadap *unreconcile item* dengan segera. Pelarasan perlu dibuat dengan sewajarnya supaya baki Wang Tunai yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat.

b. Menambah baik kawalan dalaman pengurusan pembayaran yang menjadi punca utama peningkatan bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) setiap tahun. Bil tuntutan hendaklah dikemukakan dengan segera selepas sesuatu perolehan dibuat dan dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103(a).

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
13 OGOS 2021

4/4

# LAMPIRAN II

## PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI TERENGGANU

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

(a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan

(b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab di bawah Kerajaan Negeri Terengganu.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2020.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2020.

DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HUSSIN
Pegawai Kewangan Negeri Terengganu
02 Februari 2021

HAJAH MARZIALINA BINTI MOHAMED
Bendahari Negeri Terengganu
02 Februari 2021

1

## LAMPIRAN III

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2020

| | Nota | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|---|
| **WANG AWAM** | | | |
| WANG TUNAI | 3 | 166,197,753.14 | 187,559,878.01 |
| PELABURAN | 4 | 300,000,000.00 | 410,000,000.00 |
| | | **466,197,753.14** | **597,559,878.01** |
| DIPEGANG BAGI: | | | |
| **KUMPULAN WANG DISATUKAN** | | | |
| AKAUN HASIL DISATUKAN | 5 | 203,358,035.47 | 257,363,868.61 |
| AKAUN PINJAMAN DISATUKAN | 6 | 0.00 | 0.00 |
| AKAUN AMANAH DISATUKAN | 7 | 262,839,717.67 | 340,196,009.40 |
| | | **466,197,753.14** | **597,559,878.01** |

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

2

# LAMPIRAN IV

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**

**bagi tahun berakhir 31 Disember 2020**

| | Nota | 2020 RM | 2020 RM | 2019 RM | 2019 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **TERIMAAN** | | | | | |
| **Hasil** | | | | | |
| Hasil Cukai | | 64,702,839.11 | | 73,832,714.00 | |
| Hasil Bukan Cukai | | 137,326,425.98 | | 173,668,248.78 | |
| Terimaan Bukan Hasil | | 1,399,566,607.20 | | 1,887,752,645.19 | |
| | | - | 1,601,595,872.29 | - | 2,135,253,607.97 |
| **Pinjaman** | 6 | | | | |
| Pinjaman Dalam Negeri | | 0.00 | | 0.00 | |
| | | - | 0.00 | - | 0.00 |
| **Bantuan Luar Negeri** | 6 | | | | |
| Pinjaman Multilateral | | 0.00 | | 0.00 | |
| Pinjaman Bilateral | | 0.00 | | 0.00 | |
| | | - | 0.00 | - | 0.00 |
| **Terimaan Modal** | 7 | | | | |
| Pelbagai Terimaan Modal | | 20,988,214.91 | | 16,918,501.85 | |
| Jualan Instrumen Kewangan | | 110,000,000.00 | | 0.00 | |
| | | - | 130,988,214.91 | - | 16,918,501.85 |
| **Terimaan Lain** | 7 | | | | |
| Terimaan Amanah | | 7,451,202.09 | | 0.00 | |
| | | - | 7,451,202.09 | - | 0.00 |
| **Jumlah Terimaan** | | | **1,740,035,289.29** | | **2,152,172,109.82** |

3

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)**

**bagi tahun berakhir 31 Disember 2020**

| | Nota | 2020 | | 2019 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | RM | RM | RM | RM |
| **BAYARAN** | | | | | |
| **Perbelanjaan Mengurus** | | | | | |
| Emolumen | | (259,523,124.22) | | (262,858,856.85) | |
| Perkhidmatan dan Bekalan | | (183,539,788.72) | | (184,581,608.91) | |
| Aset | | (12,058,336.53) | | (11,006,834.30) | |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | (699,213,639.02) | | (696,906,781.22) | |
| Perbelanjaan Lain | | (1,266,816.94) | (1,155,601,705.43) | (1,243,813.77) | (1,156,597,895.05) |
| **Perbelanjaan Pembangunan** | 7 | | | | |
| Langsung | | (605,795,708.73) | | (489,923,965.38) | |
| Pinjaman | | 0.00 | (605,795,708.73) | 0.00 | (489,923,965.38) |
| **Perbelanjaan Modal** | | | | | |
| Pelbagai Perbelanjaan Modal | | 0.00 | | 0.00 | |
| Pembelian Instrumen Kewangan | 4 | 0.00 | 0.00 | (349,800,000.00) | (349,800,000.00) |
| **Bayaran Balik Pinjaman** | | | | | |
| Pinjaman Dalam Negeri | | 0.00 | | 0.00 | |
| Pinjaman Kepada Agensi | | 0.00 | - | 0.00 | - |
| **Bantuan Luar Negeri** | | | | | |
| Pinjaman Multilateral | | 0.00 | | 0.00 | |
| Pinjaman Bilateral | | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| **Bayaran Lain** | | | | | |
| Bayaran Amanah | 7 | 0.00 | 0.00 | (62,769,652.99) | (62,769,652.99) |
| **Jumlah Bayaran** | | | **(1,761,397,414.16)** | | **(2,059,091,533.42)** |
| Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai | | | (21,362,124.87) | | 93,080,576.40 |
| Wang Tunai Pada 1 Januari 2020 | | | 187,559,878.01 | | 94,479,301.61 |
| **WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER 2020** | | | **166,197,753.14** | | **187,559,878.01** |

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

*Nota:*

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai tidak mengambilkira Terimaan Hasil daripada Royalti Petroleum (Pemberian Dana Khas) sebanyak RM31,868,630.30 yang dikontra dengan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

| | | 2020 | | 2019 |
|---|---|---|---|---|
| | Nota | Anggaran | Sebenar | Sebenar |
| | | RM | RM | RM |
| HASIL | 5 | 1,666,000,000.00 | 1,633,464,502.59 | 2,560,959,569.97 |
| *Tolak :* | | | | |
| Belanja Mengurus | 5 | 1,842,667,175.71 | 1,187,470,335.73 | 1,582,303,857.05 |
| **LEBIHAN HASIL** | | (176,667,175.71) | **445,994,166.86** | **978,655,712.92** |
| *Tolak :* | | | | |
| Belanja Pembangunan | 7 | 699,290,660.00 | 605,795,708.73 | 489,923,985.38 |
| **(KURANGAN)/LEBIHAN KESELURUHAN** | | **(875,957,835.71)** | **(159,801,541.87)** | **488,731,727.54** |
| **(KURANGAN DIBIAYAI OLEH) / LEBIHAN DISOKONG OLEH:** | | | | |
| Pinjaman | 6 | | 0.00 | 0.00 |
| Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan | 7 | | 130,988,214.91 | 16,918,501.85 |
| Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah | 7 | | 28,813,326.96 | (505,650,229.39) |
| **JUMLAH PEMBIAYAAN** | | | **159,801,541.87** | **(488,731,727.54)** |

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

*Nota:*

Penyata Prestasi Kewangan adalah mengambilkira Terimaan Hasil daripada Royalti Petroleum (Pemberian Dana Khas) sebanyak RM31,868,630.30 yang dikontra dengan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan.

5

# LAMPIRAN VI

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM**
**pada 31 Disember 2020**

| | Nota | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| **MEMORANDUM ASET** | 8 | | |
| Pinjaman Boleh Dituntut | | 177,533,357.42 | 189,209,936.27 |
| Pelaburan | | 3,454,964.47 | 3,453,050.64 |
| **MEMORANDUM LIABILITI** | 9 | | |
| Hutang Awam | | 279,973,049.02 | 309,975,701.08 |

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

6

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

## DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

### 1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.

b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:

i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.

ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.

iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:

i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.

ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.

iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.

d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.

e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM).

g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.

h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

## 2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan Nota yang disertakan bagi tahun 2011 dan seterusnya telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard* (IPSAS) - *Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

a) Penyata Kedudukan Kewangan
b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
c) Penyata Prestasi Kewangan
d) Penyata Akaun Memorandum
e) Nota Kepada Penyata Kewangan

## 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan yang kurang dari 3 bulan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| *Perihal* | *2020*<br>*RM* | *2019*<br>*RM* |
|---|---|---|
| Wang Tunai Dalam Bank | 166,092,233.14 | 187,215,073.88 |
| Wang Tunai Dalam Perjalanan | 120.00 | 239,404.13 |
| Wang Tunai Dalam Tangan | 105,400.00 | 105,400.00 |
| **JUMLAH WANG TUNAI** | **166,197,753.14** | **187,559,878.01** |

8

## 4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

Dalam tahun 2020, sejumlah RM300.00 juta telahpun dilaburkan sebagai pelaburan yang melebihi tempoh 3 bulan yang mana semuanya terdiri daripada Pelaburan Am.

## 5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Lebihan hasil tahun semasa sebanyak RM500.00 juta telahpun dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| | ***2020*** | | | ***2019*** | |
|---|---|---|---|---|---|
| *Perihal* | ***Anggaran*** *RM* | ***Sebenar*** *RM* | *%* | ***Sebenar*** *RM* | *%* |
| *BAKI PADA 1 JANUARI* | | 257,363,868.61 | | (2,607,619.83) | |
| **HASIL** | | | | | |
| Hasil Cukai | 66,932,500.00 | 64,702,839.11 | 96.67 | 73,832,714.00 | 110.31 |
| Hasil Bukan Cukai | 170,367,353.00 | 137,326,425.98 | 80.61 | 173,668,248.78 | 85.33 |
| Terimaan Bukan Hasil | 1,428,700,147.00 | 1,431,435,237.50 | 100.19 | 2,313,458,607.19 | 132.61 |
| *Jumlah Hasil* | 1,666,000,000.00 | 1,633,464,502.59 | 98.05 | 2,560,959,569.97 | 127.09 |

PERBELANJAAN MENGURUS

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Emolumen | 285,562,428.65 | 259,523,124.22 | 90.88 | 262,858,856.85 | 89.73 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 214,036,494.44 | 183,539,788.72 | 85.75 | 184,581,608.91 | 83.07 |
| Aset | 29,698,003.60 | 12,058,336.53 | 40.60 | 11,006,834.30 | 71.35 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 811,710,238.82 | 731,082,269.32 | 90.07 | 1,122,612,743.22 | 127.11 |
| Perbelanjaan-perbelanjaan lain | 1,660,010.00 | 1,266,816.94 | 76.31 | 1,243,813.77 | 100.00 |
| *Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)* | 1,342,667,175.71 | 1,187,470,335.73 | 88.44 | 1,582,303,857.05 | 111.82 |
| *Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan* | 500,000,000.00 | 500,000,000.00 | 100.00 | 718,684,224.48 | 119.78 |
| *Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)* | 1,842,667,175.71 | 1,687,470,335.73 | 91.58 | 2,300,988,081.53 | 114.19 |
| *Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun* | | (54,005,833.14) | | 259,971,488.44 | |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | | **203,358,035.47** | | **257,363,868.61** | |

(a) **Hasil**

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Selaras dengan Seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

10

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| | 2020 | | | | 2019 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Anggaran Asal* | *Anggaran Disemak* | *Sebenar* | | *Sebenar* | |
| *Perihal* | | | | | | |
| | *RM* | *RM* | *RM* | *%* | *RM* | *%* |
| **HASIL CUKAI** | | | | | | |
| Cukai Tanah | 36,030,000.00 | 36,030,000.00 | 34,421,119.19 | 95.53 | 35,200,696.89 | 97.70 |
| Cukai Galian | 365,500.00 | 365,500.00 | 255,159.75 | 69.81 | 638,900.25 | 174.80 |
| Cukai Parit Dan Taliar | 15,000.00 | 15,000.00 | 11,751.50 | 78.34 | 14,190.70 | 94.60 |
| Royalti | 29,500,000.00 | 29,500,000.00 | 29,116,014.88 | 98.70 | 35,297,887.42 | 119.65 |
| Cukai Langsung Yang Lain | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| Cukai Hiburan | 1,022,000.00 | 1,022,000.00 | 898,793.79 | 87.94 | 2,681,038.74 | 262.33 |
| *Jumlah Hasil Cukai* | 66,932,500.00 | 66,932,500.00 | 64,702,839.11 | 96.67 | 73,832,714.00 | 110.31 |
| **HASIL BUKAN CUKAI** | | | | | | |
| Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit | 9,601,608.00 | 9,601,608.00 | 7,030,256.29 | 73.22 | 11,834,782.50 | 123.26 |
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 7,093,649.00 | 7,093,649.00 | 5,258,589.40 | 74.13 | 5,199,966.07 | 73.30 |
| Perolehan daripada Jualan Barang-barang | 113,576,878.00 | 113,576,878.00 | 98,040,179.86 | 86.32 | 133,782,277.42 | 91.17 |
| Sewaan | 2,046,500.00 | 2,046,500.00 | 975,004.27 | 47.64 | 1,114,614.48 | 54.46 |
| Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan | 28,889,274.00 | 28,889,274.00 | 19,533,285.56 | 67.61 | 16,072,692.48 | 55.64 |
| Denda dan Hukuman | 9,159,444.00 | 9,159,444.00 | 6,489,110.60 | 70.85 | 5,663,915.83 | 61.84 |
| *Jumlah Hasil Bukan Cukai* | 170,367,353.00 | 170,367,353.00 | 137,326,425.98 | 80.61 | 173,668,248.78 | 85.33 |
| **TERIMAAN BUKAN HASIL** | | | | | | |
| Pulangan Balik Perbelanjaan | 2,722,372.00 | 2,722,372.00 | 44,597,045.29 | 1,638.17 | 45,134,035.19 | 1,657.89 |
| Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan | 1,425,977,775.00 | 1,425,977,775.00 | 1,386,838,192.21 | 97.26 | 2,268,324,572.00 | 130.23 |
| *Jumlah Terimaan Bukan Hasil* | 1,428,700,147.00 | 1,428,700,147.00 | 1,431,435,237.50 | 100.19 | 2,313,458,607.19 | 132.61 |
| **JUMLAH HASIL** | **1,666,000,000.00** | **1,666,000,000.00** | **1,633,464,502.59** | **98.05** | **2,560,959,569.97** | **127.09** |

11

(b) **Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| | **2020** | | | |
|---|---|---|---|---|
| *Maksud Perbelanjaan* | *Anggaran Asal RM* | *Anggaran Dipinda RM* | *Sebenar RM* | *%* |
| **PERBELANJAAN TANGGUNGAN** | | | | |
| T. 01 Pengelola Istana | 38,518,417.51 | 38,518,417.51 | 37,776,742.43 | 98.07 |
| T. 02 Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan | 10.00 | 10.00 | 0.00 | 0.00 |
| T. 03 Dewan Undangan Negeri | 398,020.00 | 398,020.00 | 387,606.88 | 97.38 |
| T. 04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu | 47,221,752.49 | 57,888,928.20 | 51,008,193.99 | 88.11 |
| T. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri | 695,800.00 | 695,800.00 | 491,592.57 | 70.65 |
| *Jumlah Perbelanjaan Tanggungan* | 86,834,000.00 | 97,501,175.71 | 89,664,135.87 | 91.96 |
| **PERBELANJAAN BEKALAN** | | | | |
| B. 02 Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan | 58,696,727.13 | 58,696,727.13 | 49,387,569.66 | 84.14 |
| B. 03 Dewan Undangan Negeri | 15,977,201.04 | 15,977,201.04 | 15,564,217.82 | 97.42 |
| B. 04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu | 874,278,701.81 | 874,278,701.81 | 834,516,219.90 | 95.45 |
| B. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri | 782,683.48 | 782,683.48 | 746,460.24 | 95.37 |
| B. 07 Pejabat Mineral Dan Geosains | 208,632.00 | 208,632.00 | 170,542.33 | 81.74 |
| B. 08 Jabatan Hal Ehwal Agama | 80,000,000.00 | 80,000,000.00 | 71,122,027.62 | 88.90 |
| B. 09 Jabatan Kebajikan Masyarakat | 63,188,399.87 | 63,186,399.87 | 62,414,518.52 | 98.78 |
| B. 10 Jabatan Kerja Raya | 58,990,482.86 | 58,990,482.86 | 51,466,707.41 | 87.25 |
| B. 11 Jabatan Pengairan Dan Saliran | 19,419,517.11 | 19,419,517.11 | 17,274,364.72 | 88.95 |
| B. 12 Pejabat Daerah Besut | 10,220,251.25 | 10,220,251.25 | 8,250,551.64 | 80.73 |
| B. 13 Pejabat Daerah Dungun | 8,976,492.24 | 8,976,492.24 | 7,803,624.30 | 86.93 |
| B. 14 Pejabat Daerah Hulu Terengganu | 9,589,831.60 | 9,589,831.60 | 7,545,807.84 | 78.69 |
| B. 15 Pejabat Daerah Kemaman | 10,502,134.87 | 10,502,134.87 | 9,045,970.28 | 86.13 |
| B. 16 Pejabat Daerah Kuala Terengganu | 14,084,574.76 | 14,084,574.76 | 11,262,422.31 | 79.96 |
| B. 17 Pejabat Daerah Marang | 7,780,953.18 | 7,780,953.18 | 6,553,006.48 | 84.22 |
| B. 18 Pejabat Daerah Setiu | 7,036,224.41 | 7,036,224.41 | 6,286,928.10 | 89.35 |
| B. 19 Pejabat Tanah Dan Galian | 7,553,110.28 | 7,553,110.28 | 7,284,158.12 | 96.44 |
| B. 20 Pejabat Tanah Besut | 5,012,482.24 | 5,012,482.24 | 4,404,063.74 | 87.86 |
| B. 21 Pejabat Tanah Dungun | 4,473,002.28 | 4,473,002.28 | 4,265,784.33 | 95.37 |
| B. 22 Pejabat Tanah Hulu Terengganu | 4,844,605.92 | 4,844,605.92 | 4,202,661.46 | 86.75 |
| B. 23 Pejabat Tanah Kemaman | 5,007,403.49 | 5,007,403.49 | 4,968,066.22 | 99.21 |

12

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| B. 24 Pejabat Tanah Kuala Terengganu | 5,687,679.33 | 5,687,679.33 | 4,675,352.81 | 82.20 |
| B. 25 Pejabat Tanah Marang | 4,264,817.58 | 4,264,817.58 | 3,735,649.03 | 87.59 |
| B. 26 Pejabat Tanah Setiu | 4,153,223.36 | 4,153,223.36 | 3,989,151.45 | 96.05 |
| B. 27 Jabatan Kehakiman Syariah | 8,798,004.78 | 8,798,004.78 | 8,776,685.89 | 99.76 |
| B. 28 Pejabat Perancang Bandar & Desa | 3,489,049.36 | 3,489,049.36 | 2,846,998.79 | 81.60 |
| B. 29 Jabatan Perhutanan Negeri | 24,596,314.29 | 24,596,314.29 | 22,001,636.24 | 89.45 |
| B. 30 Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 11,489,887.20 | 11,489,887.20 | 9,225,693.77 | 80.29 |
| B. 31 Jabatan Pertanian | 19,053,040.76 | 19,053,040.76 | 16,350,694.35 | 85.82 |
| B. 32 Pelbagai Perkhidmatan | 370,000,000.00 | 370,000,000.00 | 324,669,588.09 | 87.75 |
| B. 34 Pejabat Mufti Negeri | 2,009,112.90 | 2,009,112.90 | 1,753,804.80 | 87.29 |
| B. 35 Pejabat Daerah Kuala Nerus | 18,266,920.75 | 18,266,920.75 | 9,812,744.86 | 53.72 |
| B. 36 Pejabat Tanah Kuala Nerus | 4,525,369.15 | 4,525,369.15 | 3,817,546.06 | 84.36 |
| B. 37 Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu | 2,211,168.72 | 2,211,168.72 | 1,614,981.68 | 73.04 |
| *Jumlah Perbelanjaan Bekalan* | 1,745,166,000.00 | 1,745,166,000.00 | 1,597,806,199.86 | 91.56 |
| **PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum pindahan)** | **1,832,000,000.00** | **1,842,667,175.71** | **1,687,470,335.73** | **91.58** |
| **PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN** | | | **500,000,000.00** | |
| **PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)** | | | **1,187,470,335.73** | |

## 6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang Persekutuan. Pinjaman ini terdiri pinjaman Dalam Negeri.

Semua baki Pinjaman dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| *Perihal* | *2020 (Debit)/Kredit RM* | *2019 (Debit)/Kredit RM* |
|---|---|---|
| **PINJAMAN** | | |
| **Dalam Negeri** | | |
| Baki pada 1 Januari | 0.00 | 0.00 |
| Terimaan | 0.00 | 0.00 |
| Bayaran | 0.00 | 0.00 |
| Baki pada 31 Disember | 0.00 | 0.00 |
| *Jumlah Pinjaman pada 31 Disember* | 0.00 | 0.00 |

Tiada pinjaman yang diterima dalam tahun kewangan 2020.

## 7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| *Perihal* | *Baki pada 01.01.2020 (Debit)/Kredit* | *Debit* | *Kredit* | *Baki pada 31.12.2020 (Debit)/Kredit* |
|---|---|---|---|---|
| | *RM* | *RM* | *RM* | *RM* |
| **KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN** | | | | |
| Kumpulan Wang Pembangunan | (431,570,163.58) | 605,795,708.73 | 520,988,214.91 | (516,377,657.40) |
| Kumpulan Wang Bekalan Air | 69,218,690.88 | 813,571.13 | 0.00 | 68,405,119.75 |
| Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | 348,200,526.67 | 8,803,767,678.21 | 8,793,801,568.69 | 338,234,417.15 |
| *Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan* | (14,150,946.03) | 9,410,376,958.07 | 9,314,789,783.60 | (109,738,120.50) |
| **KUMPULAN WANG AMANAH AWAM** | | | | |
| Kumpulan Wang Amanah Khas | 24,257,496.19 | 4,257,504.19 | 5,812,533.89 | 25,812,525.89 |
| Kumpulan Wang Amanah Am | 118,992,017.55 | 86,112,030.12 | 143,372,929.32 | 176,252,916.75 |
| *Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam* | 143,249,513.74 | 90,369,534.31 | 149,185,463.21 | 202,065,442.64 |
| **AKAUN DEPOSIT** | | | | |
| Deposit Am | 211,097,441.69 | 99,278,955.03 | 58,693,908.87 | 170,512,395.53 |
| *Jumlah Akaun Deposit* | 211,097,441.69 | 99,278,955.03 | 58,693,908.87 | 170,512,395.53 |
| **JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN** | **340,196,009.40** | **9,600,025,447.41** | **9,522,669,155.68** | **262,839,717.67** |

Terimaan Amanah di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM7,451,202.09 merupakan baki bersih Akaun Amanah.

Kurangan pembiayaan berjumlah RM159,801,541.87 di Penyata Prestasi Kewangan dibiayai oleh Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan berjumlah RM130,988,214.91 serta Perubahan dalam Tunai, Pelaburan dan Amanah berjumlah RM28,813,326.96.

**Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

**(a) Kumpulan Wang Pembangunan**

(i) Kumpulan Wang Pembangunan mengakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan, pemberian pertambahan hasil bahagian II dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| *Perihal* | ***2020*** ***(Debit)/Kredit*** *RM* | ***2019*** ***(Debit)/Kredit*** *RM* |
|---|---|---|
| *BAKI PADA 1 JANUARI* | (431,570,163.58) | (677,248,904.53) |
| **TERIMAAN** | | |
| Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan | 500,000,000.00 | 718,684,224.48 |
| Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II | 10,444,516.00 | 10,241,923.00 |
| Bayaran Balik Pinjaman Daripada Agensi Kerajaan | 10,543,698.91 | 6,676,578.85 |
| Akaun Bayaran Balik Pinjaman Oleh Badan Berkanun | 0.00 | 0.00 |
| *Jumlah Terimaan* | 520,988,214.91 | 735,602,726.33 |
| **BAYARAN** | | |
| Perbelanjaan Pembangunan | | |
| Langsung | 605,795,708.73 | 489,923,985.38 |
| Pinjaman | 0.00 | 0.00 |
| *Jumlah Bayaran* | 605,795,708.73 | 489,923,985.38 |
| *Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun* | (84,807,493.82) | 245,678,740.95 |
| **BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER** | **(516,377,657.40)** | **(431,570,163.58)** |

15

(b) **Kumpulan Wang Bekalan Air**

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Tatacara Kewangan & Perakaunan) 1980. Terimaan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman dari Kerajaan Negeri dan pindahan daripada Akaun Pinjaman. Wang dalam kumpulan ini hanya boleh dibelanja untuk maksud-maksud tertentu seperti dalam Akta Kumpulan Wang Bekalan Air Tatacara Kewangan & Perakaunan) 1980 termasuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

Kumpulan Wang Bekalan Air pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| *Perihal* | ***2020*** *(Debit)/Kredit* *RM* | ***2019*** *(Debit)/Kredit* *RM* |
|---|---|---|
| *BAKI PADA 1 JANUARI* | 69,218,690.88 | 70,091,743.99 |
| **TERIMAAN** | | |
| Pindahan Dari Akaun Pinjaman | 0.00 | 0.00 |
| *Jumlah Terimaan* | 0.00 | 0.00 |
| **BAYARAN** | | |
| Perbelanjaan Mengurus | 813,571.13 | 715,630.11 |
| Perbelanjaan Pembangunan | | |
| Langsung | 0.00 | 157,423.00 |
| Pinjaman | 0.00 | 0.00 |
| *Jumlah Bayaran* | 813,571.13 | 873,053.11 |
| *Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun* | (813,571.13) | (873,053.11) |
| **BAKI KUMPULAN WANG BEKALAN AIR PADA 31 DISEMBER** | **68,405,119.75** | **69,218,690.88** |

**( c ) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) bagi maksud tertentu. Sumber dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Bagi tahun berakhir 2014, Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) diklasifikasikan semula daripada Kumpulan Wang Amanah Awam ke Kumpulan Wang Amanah Kerajaan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61).

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| | ***2020*** *(Debit)/Kredit* *RM* | ***2019*** *(Debit)/Kredit* *RM* |
|---|---|---|
| **AKAUN PENYELESAIAN** | | |
| Pelbagai Penyelesaian | 0.00 | 3,383,936.89 |
| Akaun Penyelesaian Cek Terbatal | 0.00 | 465,176.52 |
| Akaun Penyelesaian EFT Terbatal | 162,301.36 | 651,894.30 |
| Mahkamah Kadi Kuala Terengganu | 0.00 | 0.00 |
| Skim Perlindungan Keselamatan Sosial Kpd Kakitangan Awam | 8,796.25 | 7,209.25 |
| Sewa Rumah Persekutuan K.K.R.M | 0.00 | 585.00 |
| **JUMLAH AKAUN PENYELESAIAN** | **171,097.61** | **4,508,801.96** |

| | | |
|---|---|---|
| **AKAUN PERNIAGAAN** | | |
| Peruntukan Kira-Kira Workshop | 1,000,000.00 | 1,000,000.00 |
| Akaun Worksyop Jabatan Kerja Raya | (825,988.30) | (825,988.30) |
| **JUMLAH AKAUN PERNIAGAAN** | **174,011.70** | **174,011.70** |
| **AKAUN PINJAMAN** | | |
| Peruntukan Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Negeri | 0.00 | 11,220,391.89 |
| Kira-Kira Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Negeri Suffian | 0.00 | 0.00 |
| Pinjaman Perumahan ADUN-Akaun Peruntukan | 4,300,000.00 | 4,300,000.00 |
| Pinjaman Perumahan ADUN-Akaun Urusniaga | (2,043,630.50) | (2,049,630.50) |
| Pendahuluan Membeli Kenderan Jabatan- Akaun Peruntukan | 15,000,000.00 | 15,000,000.00 |
| Pendahuluan Membeli Kenderan Jabatan- Akaun Urusniaga | (8,700,914.15) | (6,635,666.88) |
| Pendahuluan Membeli Kenderan ADUN- Akaun Peruntukan | 1,500,000.00 | 1,500,000.00 |
| Pendahuluan Membeli Kenderan ADUN - Akaun Urusniaga | (514,590.85) | (547,624.45) |
| Pendahuluan Diri Pegawai Awam-Akaun Peruntukan | 4,400,000.00 | 4,400,000.00 |
| Pendahuluan Diri Pegawai Awam-Pelbagai | 0.00 | 0.00 |
| Pendahuluan Diri Bukan Pegawai Awam-Akaun Peruntukan | 0.00 | 7,880,000.00 |
| Peruntukan Kumpulan Wang Membeli Komputer | 2,000,000.00 | 2,000,000.00 |
| Pendahuluan Membeli Komputer | (339,049.97) | (257,121.93) |
| Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain-Akaun Peruntukan | 435,000.00 | 435,000.00 |
| Peruntukan Amanah Tabung Pusingan Pinjaman ASN | 0.00 | 0.00 |
| Pendahuluan Membeli Motosikal Jabatan - Akaun Peruntukan | 0.00 | 1,850,000.00 |
| Pendahuluan Membeli Motosikal Jabatan - Akaun Urusniaga | 0.00 | (4,301.93) |
| **JUMLAH AKAUN PINJAMAN** | **16,036,814.53** | **39,091,046.20** |
| **KUMPULAN WANG LUAR JANGKA** | | |
| Peruntukan Belanja Mengejut | 5,000,000.00 | 5,000,000.00 |
| **JUMLAH KUMPULAN WANG LUAR JANGKA** | **5,000,000.00** | **5,000,000.00** |
| **PELBAGAI KUMPULAN WANG** | | |
| Kumpulan Wang Pusingan Perumahan Awam Kos Rendah-Akaun Peruntukan | 20,000,000.00 | 20,000,000.00 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu-Akaun Peruntukan | 30,000,000.00 | 30,000,000.00 |
| Akaun Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu-Urusniaga | 0.00 | 0.00 |
| Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri | 266,852,493.31 | 249,426,666.81 |
| **JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG** | **316,852,493.31** | **299,426,666.81** |
| **JUMLAH PELBAGAI KUMPULANWANG AMANAH KERAJAAN** | **338,234,417.15** | **348,200,526.67** |

17

**(d) Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Akta Khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah aktanya sendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu.

Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| Kumpulan Wang Amanah Awam | *2020* (Debit)/Kredit RM | *2019* (Debit)/Kredit RM |
|---|---|---|
| **AMANAH KHAS** | | |
| Kumpulan Wang Pembangunan Hutan | 25,812,525.89 | 24,257,496.19 |
| **Jumlah Amanah Khas** | **25,812,525.89** | **24,257,496.19** |
| **AMANAH AM** | | |
| Akaun Amanah Pembangunan Antara Sempadan Terengganu,Kelantan & Pahang | 2,545,999.20 | 2,545,999.20 |
| Akaun Amanah Pengurusan Elaun JKKK | 492,850.00 | 79,550.00 |
| Akaun Amanah Pengurusan Peperiksaan | 18,130.00 | 29,020.00 |
| Akaun Amanah Tabung Kebajikan Anak-Anak Yatim | 110,003.82 | 96,599.97 |
| Akaun Amanah Tabung Konservasi Tanah Bencah Setiu | 114,653.39 | 368,411.25 |
| Akaun Amanah Tabung Pemeliharaan Penyu | 58,313.25 | 34,598.25 |
| Akaun Amanah Tabung Perumahan Mampu Milik Negeri Terengganu | 7,729,063.94 | 45,300.00 |
| Akaun Amanah Tabung Tukun Tiruan | 241,324.90 | 208,216.40 |
| Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan | 20,295,458.64 | 0.00 |
| Akaun Amanah Program Penyelenggaraan Perumahan | 0.00 | 0.00 |
| Tabung Amanah Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Terengganu | 11,066.00 | 1,066.00 |
| Tabung Darul Iman (TDI) | 1,626,471.35 | 715,000.27 |
| Tabung Darul Iman 2 (TDI 2) | 72,545.20 | 54,545.20 |
| Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana/Malapetaka | 7,356,952.85 | 317,941.06 |
| Akaun Amanah Jab.Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Terengganu | 3.00 | 4,395.00 |
| Akaun Amanah Pengurusan SPEKS | 760,019.95 | 761,726.17 |
| Akaun Amanah Tabung Pengurusan Gajah Liar | 99,672.77 | 69,697.33 |
| Amanah Dana Khas | 35,358,773.62 | 33,999,302.39 |
| Akaun Amanah Dana Masjid Negeri Terengganu | 1,059,562.42 | 208,479.37 |
| Akaun Amanah Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam | 3,047,734.36 | 2,095,687.76 |
| Akaun Amanah Program Pusat Pembangunan Keluarga Islam & Pembangunan Sosial | 44,384.00 | 46,370.00 |
| Akaun Amanah SPAIT | 875,837.64 | 1,475,819.49 |
| Mini Kompleks Pemasaran LKIM Dungun | 0.00 | 0.00 |
| Pembinaan PKP dan Rumah Kakitangan | 0.00 | 50.00 |
| Akaun Amanah Bantuan 1 hb JKM | 0.00 | 0.00 |
| Tabung Khas Bantuan Pemulihan Kebajikan,Marang | 413,779.08 | 422,264.56 |
| Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalanraya | 81,519,041.99 | 64,746,843.65 |
| Tabung Wang Amanah Tenaga Nasional Berhad | 1,688,550.00 | 1,128,550.00 |
| Akaun Amanah Kumpulan Wang Pemulihan Bersama Pejabat PTG Terengganu | 5,168,364.00 | 4,105,548.00 |
| Akaun Amanah Bhg.Sokongan Keluarga Trg.(Jab.Kehakiman Syariah Trg) | 1,475,653.96 | 1,501,653.96 |
| Akaun Amanah Penyelesaian Antara Kerajaan Negeri & Jabatan Mengakaun Sendiri | 1,516.00 | 1,114.00 |
| Akaun Amanah Tabung Pusingan Projek Ternakan | 278,690.30 | 303,206.25 |
| Akaun Amanah Ubat-Ubatan dan Klinik | 2,865,897.40 | 2,747,772.00 |
| Projek Ternakan Di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Terengganu | 212,902.97 | 190,102.97 |
| Akaun Amanah Skim Galakan Jentera Pertanian | 709,700.75 | 687,187.05 |
| **Jumlah Amanah Am** | **176,252,916.75** | **118,992,017.55** |
| **JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM** | **202,065,442.64** | **143,249,513.74** |

18

(e) **Akaun Deposit**

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai.

Akaun Deposit yang dipegang bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| | ***2020*** | ***2019*** |
|---|---|---|
| | ***(Debit)/Kredit*** | ***(Debit)/Kredit*** |
| *Perihal* | ***RM*** | ***RM*** |
| **DEPOSIT AM** | | |
| Deposit Am Jabatan | 120,216,006.72 | 147,900,433.56 |
| Wang Jaminan Perlaksanaan | 50,296,388.81 | 63,197,008.13 |
| *Jumlah Deposit Am* | 170,512,395.53 | 211,097,441.69 |
| **JUMLAH AKAUN DEPOSIT** | **170,512,395.53** | **211,097,441.69** |

## 8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

**Pinjaman Boleh Dituntut**

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun.

Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| | ***Baki Belum Selesai pada*** | |
|---|---|---|
| | ***2020*** | ***2019*** |
| *Perihal* | ***RM*** | ***RM*** |
| Pihak Berkuasa Tempatan | 0.00 | 0.00 |
| Badan Berkanun | 177,533,357.42 | 189,209,936.27 |
| **JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT** | **177,533,357.42** | **189,209,936.27** |

Maklumat terperinci Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2020.

**Pelaburan**

Pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan tidak dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pelaburan yang ditunjukkan dalam penyata tersebut adalah berdasarkan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) yang berkaitan iaitu PPK2, PPK6 dan PPK 8.

Pada tahun 2020, Pelaburan Kerajaan Negeri dalam Amanah Saham Darul Iman (ASDI) mengalami peningkatan sebanyak RM1,913.83 berbanding pelaburan saham pada tahun 2019 dengan jumlahnya sebanyak RM3.45 juta.

Maklumat terperinci Pelaburan dapat dirujuk di Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2020.

**9. MEMORANDUM LIABILITI**

Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan iaitu Hutang Awam yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

**(a) Hutang Awam**

Mulai tahun kewangan 2010, Hutang Awam diklasifikasi sebagai Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri selaras dengan Para 1.10. *Cash Basis* IPSAS. Baki Hutang Awam pada tahun 2020 adalah merangkumi baki pokok dan tunggakan faedah pada 31 Disember 2020.

Hutang Awam pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| *Perihal* | ***2020*** *RM* | ***2019*** *RM* |
|---|---|---|
| **PINJAMAN** | | |
| **Dalam Negeri** | | |
| Kerajaan Negeri | 271,293,371.90 | 299,923,087.21 |
| Badan Berkanun | 8,679,677.12 | 10,052,613.87 |
| *Jumlah Pinjaman* | 279,973,049.02 | 309,975,701.08 |
| **JUMLAH HUTANG AWAM** | **279,973,049.02** | **309,975,701.08** |

Maklumat terperinci Hutang Awam dapat dirujuk di Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam pada 31 Disember 2020.

**10. AKAUN BELUM TERIMA**

Akaun Belum Terima pada tahun 31 Disember 2020 berjumlah RM95,936,020.94. Berdasarkan rekod jabatan dilaporkan sebagai maklumat tambahan walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai.

20

# AKRONIM

# AKRONIM

| | |
|---|---|
| **ABT** | Akaun Belum Terima |
| **ADUN** | Ahli Dewan Undangan Negeri |
| **AP** | Arahan Perbendaharaan |
| **BBN** | Badan Berkanun Negeri |
| **CMGD** | Certificate of Making Good Defects |
| **DLP** | Defect Liability Period |
| **EXCO** | Executive Councillor |
| **FAMA** | Federal Agricultural Marketing Authority |
| **FELDA** | Federal Land Development Authority |
| **IAT** | Program Industri Asas Tani |
| **ISSAI** | The International Standards of Supreme Audit |
| **JANM** | Jabatan Akauntan Negara Malaysia |
| **JHEAT** | Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu |
| **JKR** | Jabatan Kerja Raya Negeri |
| **JPNT** | Jabatan Pertanian Negeri Terengganu |
| **KDP** | Ketua Daerah Perikanan |
| **KETARA** | Kawasan Pembangunan Pertanian Terengganu Utara |
| **KPN Ajil** | Kompleks Pertanian Ajil |
| **LMNT** | Lembaga Muzium Negeri Terengganu |
| **LMS** | Lesen Menduduki Sementara |
| **LTAWNT** | Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu |
| **MAI** | Majlis Agama Islam |
| **MAIDAM** | Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu |
| **MARRIS** | Malaysia Road Record Information System |
| **MASB** | Malaysian Accounting Standards Board |
| **MBKT** | Majlis Bandaraya Kuala Terengganu |
| **MDB** | Majlis Daerah Besut |
| **MDHT** | Majlis Daerah Hulu Terengganu |
| **MDM** | Majlis Daerah Marang |
| **MDS** | Majlis Daerah Setiu |
| **MMKN** | Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri |
| **MPD** | Majlis Perbandaran Dungun |
| **MPK** | Majlis Perbandaran Kemaman |
| **MSNT** | Majlis Sukan Negeri Terengganu |

| | |
|---|---|
| **NADMA** | Agensi Pengurusan Bencana Negara |
| **OSOL** | Objek Sebagai, Objek Lanjut |
| **PBT** | Pihak Berkuasa Tempatan |
| **PKN** | Pegawai Kewangan Negeri |
| **PMINT** | Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu |
| **PPAT** | Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu |
| **PPtD** | Pejabat Pertanian Daerah |
| **PPD** | Pejabat Perikanan Daerah |
| **PPNT** | Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu |
| **PPT** | Pejabat Perikanan Negeri Terengganu |
| **PPTS** | Program Perumahan Terengganu Sejahtera |
| **PTJ** | Pusat Tanggungjawab |
| **SKL** | Sistem Kultur Laut |
| **SPANM** | Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia |
| **SSM** | Suruhanjaya Syarikat Malaysia |
| **SST** | Surat Setuju Terima |
| **SUK** | Setiausaha Kerajaan Negeri |
| **TPPN** | Timbalan Pengarah Pertanian Negeri |
| **WJP** | Wang Jaminan Pelaksanaan |
| **YIT** | Yayasan Islam Terengganu |
| **YPKT** | Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu |
| **YT** | Yayasan Terengganu |

www.audit.gov.my

**JABATAN AUDIT NEGARA**
ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62000 PUTRAJAYA